



PELAN STRATEGIK 2010 - 2014



Penjana
Statistik
Negara



Jabatan Perangkaan
MALAYSIA

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

PELAN STRATEGIK



JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA



2010 - 2014



Muka Surat

PERUTUSAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI	iv
KATA ALUAN KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA	v
BAB 1 : PENDAHULUAN	
1.1 Latar Belakang Jabatan Perangkaan	1
1.2 Sistem Perangkaan Malaysia	3
1.3 Tadbir Urus Sistem Perangkaan	3
1.4 Sistem Penyampaian Perangkaan	5
1.5 Visi dan Misi	5
1.6 Objektif	6
1.7 Logo dan Slogan	7
1.8 Nilai Teras	8
1.9 Punca Kuasa	9
1.10 <i>Stakeholders</i> dan Pelanggan	10
1.11 Piagam Pelanggan	11
BAB 2 : PERUBAHAN PERSEKITARAN DAN IMPLIKASI KEPADA JABATAN PERANGKAAN	
2.1 Isu dan Cabaran	13
2.1.1 Dasar Pembangunan dan Wawasan Negara	13
2.1.2 Globalisasi	14
2.1.3 Liberalisasi Ekonomi	15
2.1.4 Tekanan Daripada Komuniti Umum Dalam Penggunaan dan Capaian Data	16
2.1.5 Tekanan Terhadap Membuat Keputusan Berasaskan Bukti	17
2.1.6 Koordinasi Dalam Pengumpulan Data	18
2.2 Analisis SWOT	18
2.3 Implikasi Kepada Jabatan Perangkaan	20
BAB 3 : PERANAN JABATAN PERANGKAAN	
3.1 Penjana Statistik Negara	23
3.2 Penyelaras Aktiviti Statistik	24
3.3 Perluasan Komunikasi Data	25
3.4 Jalinan Pintar	26
3.5 Memperkasa Profesjon Statistik	27

BAB 4 : HALA TUJU STRATEGIK 2010-2014

4.1	Pendahuluan	29
4.2	Analisis Kerangka Empat Tindakan	29
4.3	Teras Strategik	30
4.4	Pelan Tindakan	45

BAB 5 : MEKANISME PELAKSANAAN

5.1	Pendahuluan	47
5.2	Jawatankuasa Pemandu Pelan Strategik	48
5.3	Jawatankuasa Pelaksanaan Pelan Strategik	
5.3.1	Program Khidmat Pengurusan/Koordinasi	49
5.3.2	Program Sosial/Demografi	50
5.3.3	Program Ekonomi	51
5.4	Sasaran Pencapaian	
5.4.1	Teras Strategik 1	52
5.4.2	Teras Strategik 2	53
5.4.3	Teras Strategik 3	54

LAMPIRAN

1.	Lampiran 1 : Analisis SWOT	55
2.	Lampiran 2 : Analisis Kerangka Empat Tindakan	58
3.	Lampiran 3 : Akta Perangkaan 1965 (Disemak-1989)	60
4.	Lampiran 4 : Akta Banci 1960 (Disemak-1969)	67
5.	Penghargaan	82
6.	Akronim	84

PERUTUSAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Saya mengucapkan tahniah kepada Jabatan Perangkaan Malaysia kerana telah menghasilkan Pelan Strategik Jabatan Perangkaan Malaysia 2010 – 2014 yang amat berguna bagi merancang pelaksanaan tanggungjawab dan tugas yang telah diamanahkan oleh Kerajaan.

Perkhidmatan Awam Malaysia mempunyai peranan penting dalam menyahut cabaran mempertingkatkan daya saing dan daya tahan negara berikutan perubahan pantas persekitaran global. Sehubungan itu, setiap komponen jentera kerajaan perlu membuat perancangan teliti dan berpandangan jauh dalam memastikan pelaksanaan fungsi masing-masing adalah selaras dengan dasar negara.

Kerajaan telah memperkenalkan Petunjuk Prestasi Utama atau *Key Performance Indicators* (KPI) sebagai usaha memperkasa pengurusan perkhidmatan awam dengan tujuan untuk menilai dan mengukur pencapaian sasaran yang ditetapkan oleh kementerian atau agensi kerajaan secara objektif. Selanjutnya, Kerajaan mengumumkan enam Bidang Keberhasilan Utama Nasional atau *National Key Result Areas* (NKRA). Justeru itu, sebagai sebuah agensi kerajaan yang diamanahkan untuk memungut, mentafsir dan menyebar perangkaan, Jabatan Perangkaan Malaysia pastinya berhadapan dengan pelbagai cabaran untuk memenuhi keperluan pengguna yang dinamik. Penetapan hala tuju strategik ini perlu sebagai inisiatif untuk menyokong usaha Kerajaan melaksanakan proses transformasi melalui pengurusan berteraskan pencapaian dengan menggunakan kaedah penetapan NKRA dan pengukuran KPI.

Hala tuju strategik ini perlu dikaji semula dan dikemas kini dari semasa ke semasa bagi memastikan ia sentiasa relevan.

'RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN'

Selamat Maju Jaya.


TAN SRI NOR MOHAMED YAKCOP

KATA ALUAN KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Terlebih dahulu saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin-Nya, Pelan Strategik Jabatan Perangkaan Malaysia 2010–2014 dapat disediakan dengan jayanya.

Penyediaan Pelan Strategik Jabatan Perangkaan Malaysia 2010–2014 yang merupakan penambahbaikan kepada Rancangan Korporat Jabatan sebelum ini adalah satu anjakan ke arah mempertingkatkan peranan Jabatan sebagai sebuah agensi utama dalam bidang perangkaan untuk perancangan dan pembangunan negara. Penyediaan pelan ini juga adalah selaras dengan hasrat Kerajaan untuk menerapkan budaya prestasi tinggi di kalangan anggota Jabatan.

Pelan Strategik ini menetapkan hala tuju Jabatan bagi tempoh lima tahun yang akan datang. Sehubungan itu, pelan strategik telah digarap berdasarkan kepentingan semua pihak yang terlibat dalam bidang perangkaan. Penyediaan pelan ini mengambil kira perubahan persekitaran dan implikasinya kepada Jabatan untuk terus unggul sebagai peneraju dalam bidang perangkaan.

Dengan demikian, saya yakin Pelan Strategik ini dapat memberi panduan yang lebih jelas dan terperinci kepada warga Jabatan untuk memberi perkhidmatan yang cemerlang kepada pengguna.

Akhir kata, syabas dan sekalung penghargaan kepada semua pihak yang telah menyumbang idea, tenaga dan masa bagi menghasilkan Pelan Strategik Jabatan Perangkaan Malaysia 2010–2014.

'PENJANA STATISTIK NEGARA'

DATO' HAJAH WAN RAMLAH WAN ABD. RAOF

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang Jabatan Perangkaan

Penubuhan Jabatan Perangkaan

Jabatan Perangkaan Malaysia (JP) ditubuhkan pada tahun 1949 di bawah peruntukan *Statistics Ordinance 1949* dan dikenali sebagai Biro Statistik. *Statistics Ordinance 1949* telah dimansuhkan dan digantikan dengan Akta Perangkaan 1965. Di bawah Akta ini, Biro Statistik dikenali sebagai Jabatan Perangkaan dan diketuai oleh Ketua Perangkawan. Akta Perangkaan 1965 telah disemak semula pada tahun 1989. Fungsi Jabatan dinyatakan dengan jelas di bawah Seksyen 2(2):



"The functions of the Department shall be to collect and interpret statistics for the purpose of furnishing information required in the formation or carrying out the Government policy in any field or otherwise required for Government purposes or for meeting the needs of trade, commerce, industry or agriculture (including forestry, fishing and hunting)"




Pada tahun 1965, JP terdiri daripada 12 bahagian di Ibu Pejabat yang terletak di Kuala Lumpur dan dua pejabat cawangan yang masing-masingnya di Sabah dan Sarawak. Jumlah anggota pada masa itu seramai 363 orang iaitu 313 anggota di Ibu Pejabat, 20 anggota di Sabah dan 30 anggota di Sarawak. Selari dengan perkembangan ekonomi negara dan peningkatan permintaan data, beberapa siri penstrukturran telah dibuat dan penstrukturran semula yang terkini telah dilaksanakan pada tahun 2007. Dengan penstrukturran ini, JP disusun semula kepada tiga program iaitu Program Khidmat Pengurusan/Koordinasi (PKPK), Program Sosial/Demografi (PSD) dan Program Ekonomi (PE) yang meliputi 19 bahagian di Ibu Pejabat, 14 Jabatan Perangkaan Negeri dan 28 Pejabat Operasi. Jumlah perjawatan kini adalah 3,314.

Secara umumnya, PKPK bertanggungjawab memberi perkhidmatan sokongan kepada Bahagian-bahagian dan JP Negeri dalam aspek pengurusan sumber manusia, kewangan, teknologi maklumat, khidmat pengguna dan perkara-perkara lain yang berkaitan dengan pelaksanaan binci/penyiasatan. PSD dan PE bertanggungjawab menyedia dan menganalisis perangkaan sosial/demografi dan ekonomi. Sementara itu, JP Negeri dan Pejabat Operasi berperanan dalam melaksana pengumpulan, prosesan dan kawalan kualiti data. Struktur organisasi Jabatan Perangkaan Malaysia adalah seperti di **Carta 1**.



Carta 1: Carta Organisasi Jabatan Perangkaan Malaysia



1.2 Sistem Perangkaan Malaysia

Sistem Perangkaan Malaysia

Sistem Perangkaan Malaysia merupakan sistem statistik berpusat. JP bertanggungjawab sebagai penjana statistik rasmi negara melalui banci/ penyiasatan dan penyusunan data sekunder. Walau bagaimanapun, Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan lain boleh mengeluarkan statistik untuk keperluan masing-masing seperti Bank Negara Malaysia, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan Kementerian Sumber Manusia.

Perangkaan Utama

Perangkaan utama yang disediakan oleh JP merangkumi bidang ekonomi seperti pertanian, perlombongan dan kuari, pembuatan, pembinaan, perkhidmatan, akaun negara, imbalan pembayaran, penunjuk ekonomi dan perdagangan luar negeri. Bidang sosial/demografi antara lain merangkumi kependudukan, tenaga buruh, pendapatan dan perbelanjaan isi rumah, harga, alam sekitar, kesihatan, pendidikan dan perumahan.

Penyelarasan antara agensi dalam pengumpulan data amat penting bagi memastikan data yang dikumpul boleh dibanding dan digunakan untuk pelbagai tujuan. Ia dapat dilaksanakan melalui:

- a. Jawatankuasa Teknikal Antara Agensi;
- b. Khidmat rundingan teknikal kepada kementerian/agensi dalam bidang perangkaan; dan
- c. Pegawai kader sebagai duta teknikal di kementerian/agensi.

1.3 Tadbir Urus Sistem Perangkaan

Bagi membantu JP mengenal pasti keperluan pengguna, dua jawatankuasa berikut telah ditubuhkan:

- a. Jawatankuasa Pemandu Statistik; dan
- b. Jawatankuasa Pengguna Utama

Melalui mekanisme ini, Jabatan bukan sahaja akan dapat memenuhi keperluan negara dalam pengeluaran data yang berkualiti tinggi dan berintegriti malah akan juga dapat mencapai piawaian antarabangsa.



PENDAHULUAN

Jabatan Perangkaan
MALAYSIA

Pada tahun 1988, Jawatankuasa Pemandu Statistik dan Jawatankuasa Pengguna Utama telah ditubuhkan bagi menetapkan garis panduan, dasar serta keutamaan bagi aktiviti-aktiviti perangkaan.

JAWATANKUASA PEMANDU STATISTIK

Pengerusi : Ketua Setiausaha Negara

Ahli-ahli : Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

Ketua Setiausaha Perbendaharaan

Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi

Gabenor
Bank Negara Malaysia

Ketua Perangkawan Malaysia

Urus Setia : Unit Perancang Ekonomi

Terma Rujukan:

- a. Menetapkan garis panduan serta dasar bagi Jabatan Perangkaan Malaysia dalam melaksanakan tanggungjawabnya;
- b. Menyelaras kegiatan pengumpulan dan penyebaran perangkaan yang dijalankan oleh agensi Kerajaan; dan
- c. Memberi garis panduan ke arah satu sistem maklumat negara yang berkesan.

JAWATANKUASA PENGGUNA UTAMA

Pengerusi : Ketua Pengarah
Unit Perancang Ekonomi

Ahli-ahli : Ketua Perangkawan Malaysia

dan wakil-wakil dari:

Kementerian Kewangan

Bank Negara Malaysia

Kementerian Perdagangan
Antarabangsa dan Industri

Unit Pemodenan Tadbiran dan
Perancangan Pengurusan
Malaysia

Urus Setia : Jabatan Perangkaan Malaysia

Terma Rujukan:

- a. Mengenal pasti serta menentukan keutamaan dan keperluan perangkaan selaras dengan keperluan perancangan semasa untuk tujuan melicinkan operasi Jabatan Perangkaan Malaysia;
- b. Menyelaras di peringkat teknikal, pungutan dan penyebaran perangkaan oleh agensi Kerajaan untuk memastikan:
 - i. Penggunaan sumber yang tersedia dan digunakan dengan cekap serta berkesan;
 - ii. Penggunaan konsep, definisi dan klasifikasi yang seragam;
 - iii. Penggunaan kaedah/teknik pungutan dan pengeluaran perangkaan yang sesuai serta berkesan;
 - iv. Mengurangkan duplikasi;
 - v. Data yang dikeluarkan adalah bermutu dan bertepatan masa; dan
 - vi. Mewujudkan Kumpulan Kerja Teknikal bagi aktiviti perangkaan tertentu.

1.4 Sistem Penyampaian Perangkaan

Sistem penyampaian yang cekap dan berkesan amat penting dalam menyalurkan maklumat dan perkhidmatan kepada pelanggan dan pengguna. Sistem ini sentiasa dipertingkatkan selari dengan perkembangan teknologi komunikasi dan maklumat.

Sistem penyampaian JP sentiasa dipertingkatkan melalui:

- Penyediaan maklumat yang menepati keperluan pelanggan dan pengguna;
- Pewujudan koordinasi di antara pengeluar dan pengguna data;
- Rangka kerja institusi dan undang-undang;
- Penggunaan metodologi, definisi, konsep dan klasifikasi standard antarabangsa;
- Peningkatan keupayaan modal insan; dan
- Penyediaan prasarana teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) terkini dan bersesuaian.

1.5 Visi dan Misi

1.5.1 Visi

Penetapan visi dan misi berlandaskan kepada peranannya sebagai Penjana Statistik Negara. Visi dan misi yang ditetapkan adalah ke arah perkhidmatan statistik yang setanding dengan badan statistik negara maju.

Visi ini berlandaskan kepada:

Status Malaysia sebagai negara maju pada tahun 2020. Perangkaan yang komprehensif amat diperlukan dalam memantau pertumbuhan negara melalui penyediaan indikator ekonomi dan sosial; dan

Tahun 2020 merupakan satu jangka masa yang bersesuaian untuk memastikan Jabatan dapat menghasilkan perangkaan dalam semua sektor ekonomi dan sosial.

VISI
*Menjadi Sebuah
Organisasi Statistik
Yang Terbilang Di
Dunia Menjelang
2020*



MISI

Penjana Statistik Negara yang berintegriti dan *reliable* untuk perancangan dan pembangunan nasional melalui :

- Penggunaan metodologi dan amalan terbaik;
- Penyelidikan dan analisis statistik yang berterusan;
- Penggunaan teknologi yang terbaik; dan
- Modal insan yang kompeten dan berinovasi

1.5.2 Misi

Penjana Statistik Negara yang berintegriti dan *reliable* untuk perancangan dan pembangunan nasional melalui :

- Penggunaan metodologi dan amalan terbaik;
- Penyelidikan dan analisis statistik yang berterusan;
- Penggunaan teknologi yang terbaik; dan
- Modal insan yang kompeten dan berinovasi

1.6 Objektif

Objektif digubal bagi menerangkan bagaimana cara untuk mencapai visi dan misi JP. Objektif JP adalah:

- Mengukuh dan meningkatkan perkhidmatan statistik serta sistem penyampaian;
- Memenuhi keperluan pengguna dalam persekitaran yang dinamik dan mencabar;
- Meningkatkan keupayaan penyelidikan dan analisis data;
- Menggunakan metodologi statistik dan teknologi yang terbaik secara maksimum;
- Memupuk budaya inovasi dalam penghasilan dan penyampaian produk dan perkhidmatan perangkaan;
- Mempunyai sumber manusia yang kompeten dengan tahap profesionalisme yang tinggi; dan
- Memperluaskan penggunaan statistik di kalangan pengguna.



Penjana Statistik Negara

1.7 Logo dan Slogan

Logo dan slogan melambangkan imej dan identiti JP sebagai sebuah entiti penjana statistik rasmi negara. Logo ini telah dilancarkan pada tahun 2009 sempena Sambutan Ulang Tahun ke-60 JP bagi menggantikan logo lama. Pertukaran ini selaras dengan penjenamaan semula JP dari segi fungsi dan peranannya.

1.7.1 Keterangan Slogan

Slogan ini bertepatan dengan peranan JP yang telah diberi mandat oleh Kerajaan sebagai agensi statistik rasmi melalui fungsinya yang termaktub dalam Akta Perangkaan 1965 (Disemak-1989).



1.8 Nilai Teras

Nilai teras

Dalam merealisasikan visi, misi dan objektif JP, semua anggota JP perlu menghayati dan mengamalkan nilai-nilai teras seperti berikut:

(i) Kepuasan Pelanggan

Memberikan layanan yang mesra dan profesional kepada pengguna perangkaan. Sentiasa peka dan prihatin kepada keperluan pelanggan dalam persekitaran yang dinamik.

(ii) Profesionalisme

Mengamalkan profesionalisme dalam melaksanakan tugas dengan mempunyai komitmen yang tinggi, bertanggungjawab dan gigih, memiliki ciri-ciri bijaksana, kreatif, inovatif, berdaya saing dan proaktif serta bertindak berdasarkan amalan statistik terbaik.

(iii) Kompeten

Mengutamakan kompetensi dengan sentiasa berusaha meningkatkan pengetahuan dan kemahiran untuk mencapai kualiti kerja terbaik, mempelajari pelbagai kemahiran bagi membuat pelbagai tugas, peka terhadap perubahan semasa, berdisiplin, kerohanian dan berdedikasi terhadap kerja serta pembelajaran berterusan.

(iv) Integriti dan Akauntabiliti

Melaksanakan tugas dengan penuh amanah, ikhlas dan jujur mengikut peraturan dan prosedur kerja tanpa kepentingan peribadi, memastikan kerahsiaan maklumat individu responden dan bertanggungjawab terhadap tugas yang dilaksanakan.

(v) Semangat Berpasukan

Bertindak ke arah merealisasikan visi, misi dan objektif Jabatan dengan penglibatan semua anggota sebagai satu pasukan.

(vi) Berhemah dan Berwibawa

Mempamerkan sifat-sifat terpuji seperti adil dan saksama, bertimbang rasa, mesra, sabar, tegas dan konsisten dalam membuat keputusan, dapat menyesuaikan diri dalam semua situasi, bersedia mendengar pandangan dan teguran, dan sentiasa berketerampilan dan berbudi bahasa.

1.9 Punca Kuasa

Dalam melaksanakan fungsinya, JP tertakluk kepada peruntukan di bawah Akta Perangkaan 1965 (Disemak - 1989). Di samping itu, JP menjalankan bantuan di bawah peruntukan Akta Bantuan 1960 (Disemak - 1969).

Selain daripada akta tersebut, JP melaksanakan tugas berpandukan Arahan serta Pekeliling Kerajaan yang berkuat kuasa. JP juga menggunakan pakai manual dan standard antarabangsa dalam penyusunan dan pengeluaran statistik.

1.10 Stakeholders dan Pelanggan

Perangkaan yang dikeluarkan oleh JP digunakan untuk perancangan dan pembangunan negara. *Stakeholders* JP adalah:

- i. Unit Perancang Ekonomi;
- ii. Kementerian Kewangan;
- iii. Bank Negara Malaysia;
- iv. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri;
- v. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan; dan
- vi. Kementerian-kementerian lain.

Pelanggan JP terdiri daripada sektor awam dan swasta dari dalam dan luar negara.



1.11 Piagam Pelanggan

Piagam Pelanggan diwujudkan bagi menjamin keluaran atau perkhidmatan yang berkualiti, cepat, cekap dan memenuhi kehendak pelanggan.

Piagam Pelanggan JP adalah:

PIAGAM PELANGGAN

Kami komited untuk menyedia dan membekal maklumat perangkaan yang berkualiti, berorientasi pengguna dan bertepatan masa berdasarkan keperluan:

- *Special Data Dissemination Standard (SDDS).*
- Data yang diterbitkan disediakan dalam tempoh satu hingga dua hari bekerja.
- Data yang tidak diterbitkan:
 - (i) Data yang dipetik (*extract*) dari penjadualan komputer yang tersedia, disediakan dalam tempoh tiga hingga lima hari bekerja.
 - (ii) Data yang memerlukan pengiraan, penyusunan dan prosesan tambahan disediakan dalam tempoh dua hingga 10 hari bekerja.
- Pengguna di kaunter akan dilayan dalam tempoh 10 minit daripada masa ketibaan.
- Aduan yang diterima melalui surat/e-mel/faks/telefon akan diambil tindakan dalam masa tujuh hari bekerja dari tarikh aduan diterima.

BAB 2

**PERUBAHAN
PERSEKITARAN DAN
IMPLIKASI KEPADA
JABATAN PERANGKAAN**



Cabaran yang perlu dihadapi

2.1 Isu dan Cabaran

Jabatan Perangkaan Malaysia sentiasa peka kepada pelbagai cabaran yang kesannya membawa kepada perubahan struktur dan pengembangan fungsi dari semasa ke semasa. Isu-isu mengenai Dasar Pembangunan dan Wawasan Negara, globalisasi, liberalisasi ekonomi, peralihan ekonomi daripada ekonomi pengeluaran kepada ekonomi berdasarkan pengetahuan, perpusatan dalam ICT, telekomunikasi dan multimedia menjadi cabaran kepada JP. Sebagai penjana statistik negara, penghasilan dan pentafsiran maklumat perangkaan yang bersesuaian dan berkeupayaan memenuhi tuntutan semasa dalam membuat keputusan dan penggubalan dasar negara menjadi agenda utama JP. Antara cabaran utama yang dihadapi oleh JP adalah seperti berikut:

2.1.1 Dasar Pembangunan dan Wawasan Negara

Bagi memastikan Dasar Pembangunan dan Wawasan Negara berada pada landasan pelaksanaan yang sempurna, kerajaan dari semasa ke semasa mengkaji dan menilai program-program yang menyokong dasar tersebut. Kesannya, akan berlaku penyelarasan keutamaan, perubahan atau pembatalan program dan wujud dasar-dasar baru yang lebih relevan.

Konsep “1Malaysia - Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”

Kerajaan sedang menggubal Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) yang berasaskan kepada *outcome* sebagai kesinambungan usaha untuk merealisasikan Wawasan 2020 bersandarkan teras utama Misi Nasional dan konsep **“1Malaysia – Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”**. Bagi memastikan perancangan dan pelaksanaan program pembangunan yang berkesan, setiap teras Misi Nasional diperincikan dengan NKRA dan Bidang Keberhasilan Utama (KRA) RMKe-10 sebagai bidang fokus yang diberi keutamaan.

Justeru itu, sebagai penjana statistik negara, hala tuju dan strategi JP mestilah lebih anjal selaras dengan Misi Nasional dan NKRA.

2.1.2 Globalisasi

Kemajuan pembangunan ICT serta trend ke arah liberalisasi ekonomi telah mempercepatkan proses globalisasi pasaran. Perubahan arus globalisasi memberi impak yang sangat besar kepada daya saing negara.

Kemajuan ICT dan penggunaannya yang semakin meluas dalam perdagangan telah mendedahkan manusia kepada pelbagai jenis barang dan perkhidmatan dari serata pelosok dunia. ICT juga telah membolehkan transaksi dagangan dan perkhidmatan antarabangsa dilakukan melalui sistem atas talian. Dalam bidang perubatan, telah wujud perkhidmatan perundingan kepakaran klinikal menggunakan ICT. Umpamanya, analisis imbasan sinar x dari sebuah klinik di Malaysia yang memerlukan perkhidmatan pakar hanya perlu menghantar imej imbasan tersebut melalui komputer ke pusat perkhidmatan pakar di luar negara. Setelah membuat analisis, pusat pakar tersebut akan menghantar kembali laporan ke klinik di Malaysia. Semua transaksi perkhidmatan beserta bayaran dilakukan melalui rangkaian komputer.

Contoh yang lain adalah transaksi dagangan antarabangsa yang berasaskan ICT. Pembelian perisian komputer, filem, video dan audio yang boleh dimuat turun melalui internet semakin berkembang dan merentasi sempadan negara dengan bayaran yang biasanya dicaj secara atas talian. Dua contoh transaksi dagangan dan perkhidmatan di atas telah menggambarkan cabaran besar yang dihadapi oleh JP dalam mengumpulkan maklumat yang tepat dan komprehensif.

Globalisasi juga adalah kesan daripada kemajuan ICT. Akibatnya maklumat berpindah dengan terlalu pantas. Sesuatu maklumat atau peristiwa tersebar secara *realtime* menyebabkan maklumat akan cepat menjadi luput guna. Pengguna dengan mudah dapat mengetahui produk yang dikeluarkan oleh JP dan masa ia disebarluaskan berbanding dengan perkhidmatan yang boleh diberikan oleh organisasi statistik negara lain di dunia. Justeru itu, tindakan proaktif dan sensitif kepada tuntutan masa serta membuat penandaaranan baru dalam mengeluarkan statistik rasmi negara menjadi keutamaan JP.

Keterbukaan sistem maya ICT bukan sahaja membuka ruang kepada sistem penyampaian yang lebih baik tetapi juga memberi ancaman kepada keselamatan maklumat. Perpindahan data secara

atas talian daripada pembekal kepada JP atau daripada pangkalan data JP kepada pengguna sentiasa terdedah kepada pencerobohan penjenayah siber. Malah, sistem aplikasi mahupun data yang tersimpan dalam repositori juga terdedah kepada penggodam. Ini menjadi cabaran kepada JP untuk menyediakan benteng pertahanan siber yang kuat bagi menangkis serangan tersebut.

Dalam persaingan dunia tanpa sempadan dan permintaan data yang semakin meningkat, kecepatan dan kebolehpercayaan data adalah diperlukan. Pada tahun 1996, Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) telah memperkenalkan satu piawaian data yang dikenali sebagai SDDS bagi memberi fokus kepada kecepatan dan ketelusan dalam pengeluaran data. Bagi memenuhi maksud tersebut, JP akan memperluaskan Kalender Keluaran Awalan untuk memberitahu kepada umum jangkaan tarikh data tertentu dikeluarkan.

Globalisasi juga telah memberi kesempatan kepada syarikat-syarikat di Malaysia memperluaskan pelaburan di luar negara. Aktiviti ini semakin berkembang mengikut peredaran masa. Semakin banyak syarikat yang terlibat dan semakin banyak pula negara destinasi. Perluasan aktiviti ini telah meningkatkan cabaran dalam pengumpulan data imbalan pembayaran yang mana pengumpulan data bagi pelaburan langsung syarikat Malaysia di luar negara menjadi semakin kompleks.

2.1.3 Liberalisasi Ekonomi

Sektor perkhidmatan merupakan komponen penting dalam ekonomi negara menyumbang sebanyak 55 peratus kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada 2008, iaitu sebanyak 47.6 peratus merupakan sumbangan daripada perkhidmatan bukan kerajaan. Sektor ini juga mewakili 57 peratus daripada jumlah guna tenaga di Malaysia.

Menyedari potensi pertumbuhan dalam sektor perkhidmatan, Kerajaan telah mengambil keputusan untuk meliberalisasi 27 subsektor perkhidmatan secara serta-merta, tanpa sebarang syarat ekuiti dikenakan. Subsektor ini meliputi bidang perkhidmatan kesihatan dan sosial, perkhidmatan pelancongan, perkhidmatan pengangkutan, perkhidmatan

perniagaan dan perkhidmatan komputer dan bidang lain yang berkaitan.

Liberalisasi sektor perkhidmatan dilaksanakan dengan tujuan membentuk satu persekitaran perniagaan yang kondusif bagi menarik pelaburan, teknologi, serta menjana peluang pekerjaan bertaraf tinggi. Usaha-usaha ini dijangka dapat meningkatkan tahap daya saing sektor perkhidmatan dan bertindak sebagai sektor pertumbuhan baru ekonomi. Liberalisasi sektor ini juga akan mewujudkan rangsangan bagi meningkatkan sumbangannya kepada pertumbuhan ekonomi.

Perubahan drastik yang dikatakan sebagai salah satu asas baru ekonomi Malaysia memerlukan perubahan kepada sistem pemantauan dan pelaksanaannya. Sistem ini bukan sahaja memberi kesan langsung kepada struktur ekuiti ekonomi Malaysia malah memberi kesan kepada sistem pengumpulan data. Industri-industri baru akan terus berkembang dengan pantas merentasi sempadan negara. Kesannya, *stakeholders* dan pengguna memerlukan statistik imbalan pembayaran terutamanya di sektor perdagangan perkhidmatan antarabangsa yang lebih komprehensif dan berkeupayaan bagi mengesan impak dari liberalisasi tersebut. Kebergantungan kepada sumber data sedia ada tidak lagi berupaya untuk memenuhi keperluan semasa dan akan datang.

2.1.4 Tekanan Daripada Komuniti Umum Dalam Penggunaan dan Capaian Data

Reka bentuk
pensampelan

Masyarakat masa kini semakin berpengetahuan tinggi dan terdedah dengan sumber-sumber maklumat global. Analisis ekonomi bukan lagi di peringkat makro tetapi telah menjadi semakin kompleks dan terperinci. Kesan daripada fenomena ini menjadikan ekspektasi *stakeholders* dan pengguna semakin meningkat dan pelbagai.

Ini bermakna semakin banyak maklumat yang dipungut dan semakin terperinci analisis yang diperlukan. Bagi mengatasi cabaran ini, reka bentuk pensampelan yang lebih efisien dan saiz sampel yang kecil tetapi dapat memberikan anggaran yang teguh akan diperkenalkan di samping memperincikan prosedur penganggaran untuk mendapatkan penganggar yang tepat pada peringkat yang lebih terperinci.

Kesan globalisasi dan kemajuan dalam ICT membolehkan data dan maklumat luar negara mengalir dengan lebih mudah dan cepat. Keadaan ini menjadi cabaran kepada JP sebagai pembekal data rasmi

negara. Pengguna sentiasa membandingkan data dan kaedah penyebaran yang boleh dibekalkan oleh JP dengan data yang boleh diperoleh daripada agensi statistik negara lain. Fenomena ini menjadi tekanan kepada JP sebagai sebuah agensi pembekal data untuk menyediakan prasarana penyebaran dan maklumat yang komprehensif, menggunakan media komunikasi yang bersesuaian dan memenuhi kehendak pengguna.

2.1.5 Tekanan Terhadap Membuat Keputusan Berasaskan Bukti

Sekitar tahun 70-an dan 80-an, pemantauan dan analisis ekonomi negara adalah bersifat makro. Status kemajuan dan peramalan ekonomi difokuskan kepada peringkat nasional. Aliran ini kemudiannya berubah kepada peringkat negeri di sekitar tahun 90-an. Kini, kemajuan dan pemantauan ekonomi telah menjurus kepada wilayah dan kawasan yang bersifat mikro. Kejayaan atau kegagalan sesuatu perancangan mesti dibuktikan sehingga ke peringkat tersebut.

Pada masa kini, keputusan-keputusan yang dibuat dalam perancangan, pelaksanaan dan pemantauan dasar adalah berdasarkan bukti. Ia dilakukan melalui sistem maklum balas dan kajian-kajian yang mendalam mengenai sesuatu isu. Bukti-bukti bukan sahaja melibatkan kejayaan atau kegagalan, status dan kemajuan tetapi melibatkan kawasan yang spesifik secara mikro. Contohnya, analisis statistik kemiskinan bukan sahaja menentukan kadar kemiskinan tetapi data mesti berupaya menjelaskan kawasan di mana golongan miskin tersebut berada secara terperinci. Keperluan ini menuntut pihak JP berubah dari penyediaan data biasa kepada data *spatial* yang menjadi aliran masa kini.

Keperluan *stakeholders* tidak hanya kepada data mentah tetapi lebih kepada analisis yang boleh mengaitkan data dengan fenomena sebenar yang berlaku sehingga terhasilnya data berkenaan. Ini melibatkan daya pengamatan dan penganalisisan yang tinggi. JP akan terus meningkatkan keupayaan anggota dalam bidang penganalisisan yang boleh menterjemah dengan tepat data yang diberikan.

Integrasi soal selidik

2.1.6 Koordinasi Dalam Pengumpulan Data

JP terlibat dalam pelbagai penyiasatan sama ada di sektor ekonomi atau di sektor sosial. Oleh itu, koordinasi dalam pengumpulan data terutamanya di sektor ekonomi menjadi isu utama supaya beban kepada pembekal data dapat dikurangkan. Terdapat sebilangan variabel yang sama dipungut dalam penyiasatan yang berbeza daripada pertubuhan yang sama. Perubahan masa dan isu-isu yang telah dijelaskan di para terdahulu memaksa kepada peluasan bidang-bidang kajian. Kesannya, isu koordinasi kepada pengumpulan data menjadi semakin kompleks.

Mengintegrasikan soal selidik daripada pelbagai penyiasatan yang memungut maklumat yang sama merupakan langkah penting bagi mengurangkan beban kepada responden di samping mengurangkan kos operasi.

Penggunaan data pentadbiran dari pelbagai agensi menjadi semakin penting bagi melengkapkan sumber data melalui responden. JP akan memanfaatkan sepenuhnya kemajuan ICT dan perhubungan antara agensi bagi mengoptimumkan penggunaan data pentadbiran.

2.2 Analisis SWOT


Analisis SWOT telah digunakan bagi mengenal pasti langkah-langkah yang perlu dilaksanakan oleh JP dalam meningkatkan pencapaian melalui penggunaan peluang-peluang yang sedia ada dan memperbaiki kelemahan-kelemahan semasa. Analisis ini telah melalui dua fasa iaitu:

- Mengenal pasti kekuatan dan kelemahan melalui penyenaraian aktiviti dalaman dan analisis yang mendalam. Melalui penyenaraian tersebut tindakan-tindakan susulan tertentu telah dikenal pasti; dan
- Mengenal pasti peluang-peluang dan halangan-halangan dari faktor luaran yang dapat membantu dalam pembangunan perancangan strategik.

Penggunaan sumber, teknologi terkini dan kerjasama dengan agensi kerajaan lain untuk meningkatkan kecekapan merupakan peluang-peluang terbuka yang dapat dilihat. JP telah mengenal pasti

segala halangan dan ancaman yang boleh merencatkan usaha untuk menjadikan JP sebagai sebuah organisasi terbilang di dunia. Rajah 1 menunjukkan analisis mengenai kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman yang dikenal pasti berada dalam JP.

Rajah 1: Analisis SWOT





2.3 Implikasi Kepada Jabatan Perangkaan

Kesan dari globalisasi, perubahan dalam agenda ekonomi dan sosial negara, perkembangan dalam teknologi maklumat, ekspektasi pengguna kepada sistem penyampaian maklumat, tekanan dari tindak balas responden sebagai pembekal maklumat dan berbagai isu yang telah dihuraikan, memberi implikasi besar kepada JP. Dalam menyesuaikan diri kepada perubahan persekitaran tersebut, JP perlu mempunyai fungsi yang lebih responsif dan sensitif kepada perubahan gelagat pengguna serta berinovasi dalam memberi perkhidmatan bagi menghadapi masa depan yang lebih mencabar. JP akan:

- Memperkuuhkan peranan sebagai agensi utama pengeluar perkhidmatan statistik yang berorientasikan pengguna dalam memenuhi keperluan semasa dan akan datang melalui penandaarasan organisasi statistik terbaik di dunia.
- Memberi fokus kepada jalinan kerjasama antara agensi kerajaan lain dan swasta untuk mempertingkatkan aspek penyelidikan, perkongsian maklumat dan pendekatan bagi mengurangkan beban responden.
- Mengkaji dan memperbaiki metodologi, prosedur dan manual-manual penyiasatan bagi menghasilkan data yang bertepatan masa, pengurangan kos dan meningkatkan kadar respons melalui perhubungan yang lebih profesional dengan pembekal data.
- Memberi fokus kepada penyediaan rangka pensampelan yang komprehensif terutamanya industri-industri baru di sektor ekonomi. Rangka pensampelan juga akan diolah ke dalam data *geospatial*.
- Melahirkan modal insan kelas pertama yang lebih berinovasi dan berpengetahuan tinggi melalui latihan, rangkaian kerja dan penyertaan aktif peringkat antarabangsa.
- Memastikan peningkatan dalam kualiti data dan mengurangkan tempoh masa pungutan, prosesan dan penyebaran data.

- Meningkatkan sistem penyampaian maklumat melalui penyediaan data siri masa yang boleh dicapai oleh pengguna secara interaktif. Pengguna boleh membuat *data mining* mengikut keperluan mereka.
- Menghasilkan produk-produk baru yang relevan dan menepati keperluan pengguna serta tumpuan kepada tafsiran dan penganalisisan statistik.
- Memberi pemahaman statistik yang lebih luas kepada pertubuhan dan komuniti melalui program penerangan dan pendidikan statistik.
- Memastikan setiap perancangan dan program kerja dapat berjalan dengan lancar, teratur dan efisien walaupun selepas berlaku persaraan atau pertukaran pegawai.
- Mewujudkan pegawai pelapis dan pakar rujuk melalui pemantapan pengetahuan dalam bidang analisis statistik.
- Memastikan organisasi sentiasa mantap menerusi penyediaan anggota yang mahir, berkebolehan, kompeten dan penggunaan ICT yang setanding dengan negara-negara maju.

BAB 3

PERANAN JABATAN PERANGKAAN



Pelan Strategik Jabatan 2010-2014 memperjelaskan peranan untuk memastikan Jabatan dapat menjadi agensi statistik yang terbilang di dunia. Lima peranan utama telah dikenal pasti iaitu penjana statistik negara, penyelaras aktiviti statistik, perluasan komunikasi data, jalinan pintar dan memperkasa profesion statistik.

3.1 Penjana Statistik Negara

Kerajaan telah memberi mandat kepada JP untuk menjana statistik rasmi negara seperti mana fungsinya yang termaktub dalam Akta Perangkaan. Sejak penubuhannya pada tahun 1949, Jabatan telah menghasilkan maklumat bermutu, berorientasikan pengguna dan statistik yang bertepatan masa untuk pembentukan dasar perancangan pembangunan dan pentadbiran negara.

Globalisasi, perubahan dalam struktur ekonomi, permintaan pengguna yang semakin sofistikated dan perkembangan ICT telah mewujudkan permintaan baru bagi data dan ekspektasi tinggi bagi perkhidmatan statistik. Analisis persekitaran luaran dan dalaman Jabatan menunjukkan keperluan untuk penilaian berterusan ke atas sistem penyampaian perkhidmatan Jabatan. Bagi memenuhi keperluan yang dinamik dalam persekitaran yang mencabar, Jabatan sentiasa responsif terhadap keperluan pengguna.

Penambahbaikan sistem dan prosedur akan dapat meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan Jabatan. Penambahbaikan ini merangkumi kajian berterusan ke atas produk, ketepatan masa dan kualiti data. Jabatan akan meneruskan usaha untuk membangunkan instrumen yang sesuai dan menghasilkan indikator yang dapat membantu *stakeholders* untuk menggubal polisi dan memantau program yang telah dirancang. Di samping itu, usaha akan dipertingkatkan untuk membuat *seasonal adjustment* bagi data yang dihasilkan dan unjuran serta anggaran bagi indikator utama ekonomi dalam meningkatkan keupayaan *stakeholders* merangka polisi dan program yang sesuai. Kebolehgunaan data sedia ada akan dipelbagaikan dan analisis data dipertingkatkan. Usaha ini selaras dengan senario ekonomi yang dinamik dan globalisasi yang mempunyai implikasi terhadap keperluan maklumat.

Rangka pensampelan yang diguna pakai oleh Jabatan sentiasa dikemas kini bagi memastikan ia lengkap, efisien dan terkini. Kaedah

pensampelan pula akan dikaji dan ditambah baik dengan mengaplikasi teknik pensampelan yang terbaik. Penggunaan data pentadbiran diperluaskan bagi melengkapkan data primer sedia ada dan memaksimumkan penggunaan sumber di samping mengatasi masalah beban responden. Kaedah pengumpulan data juga telah dipelbagaikan daripada kaedah pos dan temu ramah bersemuka kepada penggunaan peralatan dan sistem yang bersesuaian dengan perubahan teknologi untuk meningkatkan keberkesanan pelaksanaan penyiasatan. Antara yang telah diguna pakai oleh Jabatan ialah *Personal Digital Assistant (PDA)*, *Computer Aided Telephone Interview (CATI)* dan *e-survey*.

Dalam merealisasikan Pelan Strategik ICT Jabatan, sistem bersepadu berdasarkan kerangka *National Enterprise Wide Statistical Systems* (NEWSS) sedang dibangunkan. Aktiviti yang terlibat dalam fasa pertama ialah Penyiasatan Tenaga Buruh, Penyiasatan Pembuatan Bulanan dan Penyiasatan/Banci Ekonomi. Sistem ini akan diperluaskan merangkumi penyiasatan lain dan penyusunan statistik menggunakan data sekunder. Pelaksanaan NEWSS akan meningkatkan kapasiti Jabatan sebagai penjana statistik negara.

3.2 Penyelaras Aktiviti Statistik

Selain daripada fungsi sebagai penjana statistik rasmi negara, Jabatan memperluaskan peranannya sebagai penyelaras aktiviti statistik dalam negara. Setakat ini, Jabatan memberikan khidmat rundingan teknikal merangkumi aspek pensampelan, pembangunan soal selidik dan pengumpulan data berdasarkan permintaan agensi berkaitan. Bagi meningkatkan dan menyelaras mutu kajian yang dijalankan dalam negara, Jabatan akan memperluaskan khidmat rundingan teknikal dengan menawarkan perkhidmatan menilai kajian yang akan dilaksanakan oleh agensi lain, pertubuhan dan juga para penyelidik. Amalan ini dapat memastikan statistik yang dihasilkan adalah berkualiti.

Aktiviti penyelarasan statistik juga merangkumi aktiviti penyeragaman kod, klasifikasi dan definisi untuk diguna pakai oleh semua agensi. Jawatankuasa *Inter Agency Technical Committee* (IATC) telah ditubuhkan di bawah projek PERKASA STATS bagi tujuan tersebut. Peranan baru ini dapat meningkatkan kerjasama dan hubungan baik Jabatan dengan agensi lain serta memudahkan akses dan penggunaan data sekunder.

JP melalui Jawatankuasa Pengguna Utama mendapatkan maklum balas keperluan data daripada *stakeholders*. Urus tadbir jawatankuasa ini akan diperkemaskan dan dipertingkatkan untuk memastikan keperluan *stakeholders* dan keupayaan Jabatan diselaraskan.

3.3 Perluasan Komunikasi Data

Jabatan telah meningkatkan keupayaan komunikasi data sebagai contoh menyediakan data-data bulanan yang boleh dicapai melalui portal Jabatan. Setakat ini, komunikasi data masih lagi tertumpu kepada cara tradisi berbentuk penerbitan buku dan *compact disc* (CD). Namun begitu, format penerbitan semasa akan terus ditambah baik dan dipelbagaikan sesuai dengan keperluan pengguna.

Perkembangan teknologi maklumat dan pengguna yang semakin celik statistik (*statistical literacy*) menyebabkan permintaan data semakin sofistikated, pelbagai dan terkehadapan. Sehubungan itu, aspek komunikasi data akan diberi perhatian dan penekanan. Perkembangan dalam teknologi telah meningkatkan keperluan pengguna terhadap maklumat yang tersedia (*make available*) oleh Jabatan dan diperoleh bertepatan masa.

Portal adalah platform terbaik untuk meningkatkan komunikasi data. Set data dalam bentuk skala dan siri masa tertentu beserta panduan penggunaan yang mudah boleh disediakan dalam portal untuk diakses oleh pengguna. Kemudahan untuk muat turun secara percuma penerbitan dan data terpilih dapat meningkatkan capaian data oleh pengguna.

Pangkalan data interaktif pula dapat meningkatkan komunikasi data melalui perkongsian data secara atas talian dan seterusnya membolehkan pengguna yang melanggan membuat *data mining*. Pangkalan Data Enterpris Kecil dan Sederhana dan Pangkalan Data Pertanian telah tersedia manakala Pangkalan Data Alam Sekitar sedang dibangunkan. Dalam masa yang sama, Pangkalan Data Penyiasatan Tenaga Buruh, Penyiasatan Pembuatan Bulanan dan Penyiasatan/Banci Ekonomi sedang dibangunkan di bawah projek NEWSS. Bagi memastikan akses dan komunikasi data dipertingkatkan, pangkalan data akan diperluaskan kepada data lain yang dikumpulkan oleh Jabatan.

Selain daripada penyampaian data kepada *stakeholders*, Jabatan juga memperluaskan penyampaian data kepada sasaran khusus seperti penuntut sekolah atau Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dan penyelidik akan dipertingkatkan. Sebagaimana yang telah diamalkan oleh agensi statistik lain, Jabatan juga akan mewujudkan laman khusus untuk murid sekolah dan pelajar IPT yang boleh diakses oleh semua sekolah dan IPT dalam negara. Kaedah ini bukan sahaja meningkatkan akses kepada data malah dapat meningkatkan kadar celik statistik di kalangan pengguna tertentu.

Dalam memperkuuhkan komunikasi data, Jabatan menggunakan kemudahan yang ditawarkan dalam *e-government* iaitu sistem pesanan ringkas (*short messaging system-SMS*) yang dikenali mySMS untuk penyebaran maklumat. Penyebaran maklumat melalui khidmat mySMS telah dimulakan bagi tujuh indikator utama iaitu penduduk, KDNK, indeks harga pengguna, perdagangan luar negeri, pembuatan bulanan, indeks pengeluaran perindustrian dan kadar pengangguran. Bagi kaedah penyebaran ini, liputan data akan diperluaskan.

Selaras dengan perkembangan pembangunan negara, tahap data yang diperlukan semakin terperinci iaitu sehingga peringkat analisis terkecil yang mungkin. Atas keperluan ini, Jabatan akan merangka polisi dan kaedah pengumpulan data yang sesuai bagi membekalkan data peringkat mikro kepada *stakeholders* dan juga pengguna lain.

3.4 Jalinan Pintar

Jalinan kerjasama pintar dipertingkatkan dalam aspek penyelidikan, pembangunan metodologi, perkongsian ilmu dan pembelajaran sepanjang hayat. Sinergi dari jalinan ini akan dapat meningkatkan kualiti data yang dihasilkan.

Jalinan pintar akan diperkuuhkan dengan IPT, Kementerian Pelajaran, Kementerian Pengajian Tinggi dan agensi lain yang berkaitan khususnya bagi mewujudkan portal statistik untuk tujuan pendidikan, menyertai pameran kerjaya dan seumpamanya, ceramah kepada kumpulan sasar tertentu seperti pelajar dan sebagainya.

Penganjuran dan penyertaan dalam aktiviti statistik antarabangsa semakin signifikan dan Jabatan akan meneruskan penglibatannya

dalam aktiviti berkaitan seperti *International Comparison Program*, pelaburan langsung asing, statistik perindustrian, jadual input-output dan stok modal. Antara institusi yang terlibat ialah *World Bank*, *United Nations Statistics Division (UNSD)*, *Institute of Developing Economies (IDE)*, *Australian Bureau of Statistics (ABS)*, *IMF* dan sebagainya. Jalinan pintar sedia ada ini akan diperluaskan melalui peluang latihan kepada anggota agensi statistik negara lain dan jaringan dengan badan profesional statistik berkaitan.

Kerjasama dengan agensi kerajaan lain khususnya yang berpotensi dari segi perkongsian maklumat akan dipertingkatkan. Kerjasama ini telah termeterai dengan beberapa agensi seperti Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan *Tourism Malaysia*. Usaha meningkatkan kerjasama dari segi perkongsian data dengan beberapa agensi lain seperti Kementerian Kesihatan, Kementerian Pelajaran, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia dan lain-lain terus diusahakan.

Jalinan pintar dapat dipertingkatkan melalui sesi dialog berkala dengan pembekal data dan pihak swasta untuk mendapat maklum balas bagi meningkatkan sistem penyampaian maklumat Jabatan. Sesi dialog ini akan memudahkan proses pengumpulan data di samping dapat memenuhi keperluan pengguna.

3.5 Memperkasa Profesional Statistik

Jabatan bertanggungjawab membentuk dan melahirkan profesional perangkawan yang diakui dalam dan luar negara. Untuk menyokong usaha ini, latihan yang berterusan dipergiatkan. *Roadmap* latihan yang komprehensif telah disediakan. Selain itu, anggota juga diberi latihan yang sesuai untuk melahirkan individu yang versatil dan berketerampilan secara menyeluruh iaitu dari segi minda, jasad dan rohani (MINJARO). Bagi memastikan perkhidmatan kader selaku duta teknikal kekal relevan, peluang latihan kepada pegawai kader dipertingkatkan.

Berbekalkan kepakaran yang tersedia ini, akan lahir lebih ramai lagi profesional Jabatan yang berupaya memberi khidmat runding teknikal kepada agensi lain dan diperluaskan ke



Jabatan Perangkaan
MALAYSIA

PERANAN JABATAN PERANGKAAN

peringkat antarabangsa. Direktori pakar akan diwujudkan bagi memudahkan rujukan oleh agensi berkaitan.

Bagi meningkatkan profesionalisme, anggota Jabatan terus digalakkan untuk melaksanakan aktiviti penyelidikan dan penganalisisan serta mendokumentasikannya dalam bentuk penulisan jurnal. Sebagai pengamal statistik, pengiktirafan profesion statistik amat penting agar standard amalan statistik Malaysia mempunyai penandaarasan yang terunggul. Melalui pengiktirafan ini, visi Jabatan menjadi agensi statistik terbilang di dunia tercapai.

BAB 4

**HALA TUJU STRATEGIK
2010-2014**

4.1 Pendahuluan



JP telah menggariskan hala tuju strategik yang menetapkan teras, bidang fokus dan sasaran prestasi bagi tempoh 2010-2014 selaras dengan peranannya sebagai Penjana Statistik Negara bagi mencapai visi dan misi yang telah ditetapkan. Hala tuju ini digarap berlandaskan analisis persekitaran semasa serta isu dan cabaran yang perlu ditangani seperti globalisasi dan liberalisasi ekonomi, ekspektasi *stakeholders* yang tinggi, keperluan untuk mengurangkan beban responden serta kemajuan ICT yang dinamik.

Penetapan hala tuju strategik ini juga mengambil kira bidang tumpuan dalam agenda negara yang digariskan dalam Teras Misi Nasional 2006-2020

iaitu **MENGUKUHKAN KEUPAYAAN INSTITUSI DAN PELAKSANAAN.**

Penyediaan PSJ juga telah dibangunkan selaras dengan NKRA dan KRA RMKe-10.

4.2 Analisis Kerangka Empat Tindakan

Dalam proses membentuk Teras Strategik, JP telah mengenal pasti aktiviti yang perlu ditingkatkan (*raise*), dikurangkan (*reduce*), dicipta (*create*) dan dihapuskan (*eliminate*) melalui Analisis Kerangka Empat Tindakan berdasarkan konsep *Blue Ocean Strategy* (Rujuk **Lampiran 2**).

Peningkatan perkara teknikal terutamanya kepakaran butiran perkara dan penciptaan indikator baru dalam bidang sosial dan ekonomi, mengupayakan aplikasi pengetahuan statistik kepada keperluan dan ekspektasi penggubal dasar, komuniti perniagaan dan komuniti antarabangsa. Aspek teknologi, pengurusan sumber, perhubungan dan promosi juga diberi penekanan selaras dengan fungsinya yang menyokong dan menjadi penggerak dalam peningkatan aspek teknikal tersebut.

Selari dengan perkembangan teknologi dan sasaran untuk *delighting the customers*, sistem atas talian, koordinasi permintaan data dirancang untuk dibangunkan bersesuaian dengan konsep mendahulukan rakyat iaitu pengguna data dan

mengutamakan penyampaian perkhidmatan. Bagi memperkasakan perkhidmatan statistik, perkara yang kurang relevan seperti pergantungan yang tinggi kepada responden sebagai sumber perolehan data akan diperkemaskan lagi. Perkara yang tidak lagi relevan seperti prosesan data secara *in-silo* digantikan dengan prosesan secara bersepadu melalui pelaksanaan NEWSS.

Hasil analisis kerangka empat tindakan menjadi input kepada pembangunan hala tuju Jabatan supaya menjadi lebih dinamik dan penyampaian perkhidmatan yang lebih mantap dalam persekitaran yang lebih mencabar pada masa hadapan.

4.3 Teras Strategik

Teras strategik JP bagi tempoh 2010-2014 digubal bagi mengukuhkan keupayaan perkhidmatan statistik. Teras strategik yang dibentuk memberi fokus yang seimbang kepada *core business*, sumber manusia, kewangan serta teknologi maklumat. Sehubungan itu, tiga teras strategik dibentuk iaitu:

Teras Strategik 1

- Maklumat Yang Berintegriti Dan *Reliable*

Teras Strategik 2

- Mempertingkatkan Penyelidikan Dan Analisis Serta Membudayakan Inovasi

Teras Strategik 3

- Memperkasakan Pengurusan Sumber

Teras Strategik 1: Maklumat yang Berintegriti dan *Reliable*

JP merupakan agensi Kerajaan yang diberi tanggungjawab menyediakan statistik utama dalam penggubalan dasar dan pelaksanaan serta pemantauan program nasional. Sehubungan itu, maklumat yang dibekalkan mempunyai ciri-ciri berintegriti iaitu bertepatan masa, relevan, tepat dan *reliable* agar memenuhi keperluan dan ekspektasi *stakeholders* serta mengukuhkan lagi keyakinan pengguna terhadap perkhidmatan perangkaan. *Reliability* maklumat Jabatan dipastikan melalui kesahihannya dari aspek sumber dan liputan data, metodologi pengumpulan, kaedah pemprosesan serta analisis yang berkaitan.

Bagi memenuhi keperluan di atas serta perkongsian maklumat di peringkat global, JP telah menerapkan konsep *Fundamental Principles of Official Statistics*, yang diperakucas oleh UNSD pada tahun 1994. Penerapan konsep tersebut bersama dengan nilai teras Jabatan meletakkan Jabatan setanding dengan amalan organisasi statistik antarabangsa.

Dalam usaha pengeluaran maklumat yang berintegriti dan *reliable*, penglibatan dan perundingan dengan *stakeholders*, kementerian, agensi kerajaan lain dan sektor swasta telah dilaksanakan.

Empat strategi telah digariskan bagi menjayakan Teras Strategik Pertama iaitu:

Strategi 1:
Memperkasa Perkhidmatan Statistik Dalam Persekutuan Yang Dinamik Dan Mencabar

Pada masa kini sebahagian besar keperluan *stakeholders* dan pengguna telah dipenuhi. Bagaimanapun, dalam masa terdekat dan jangka panjang, keperluan maklumat akan meningkat dengan ketara khususnya dengan wujudnya tekanan untuk membuat keputusan berdasarkan bukti. Antara langkah utama yang dirangka adalah memperkuuhkan Sistem Perangkaan Malaysia. Sistem ini menempatkan semua data yang dikumpul atau disusun oleh JP dan data dari agensi lain.



Strategi ini dilaksanakan melalui:

Program Pertama: Meningkatkan keupayaan pengumpulan data, yang merangkumi pelbagai kaedah pengumpulan data supaya meningkatkan keberkesanannya dan mengoptimumkan sumber yang digunakan. Kaedah menyepadan soal selidik, memberi keutamaan kepada variabel yang sangat diperlukan oleh pengguna serta peluasan penggunaan data pentadbiran dari agensi kerajaan lain adalah antara usaha yang dirancang untuk dilaksanakan. Dengan kaedah ini bebanan responden dapat dikawal bagi menjamin respons yang tinggi, maklumat diperoleh bertepatan masa dan berkualiti.

Program Kedua: Mempromosi penggunaan konsep, kod dan klasifikasi statistik seperti *Malaysia Standard Industrial Classification* (MSIC) dan *Malaysia Classification of Products by Activity* (MCPA) kepada agensi kerajaan lain yang berkaitan kerana usaha ini boleh menyokong penyediaan maklumat dari sumber pentadbiran lain mengikut acuan statistik di peringkat negara dan antarabangsa.

Program Ketiga: Membangun repositori berpusat bagi data yang dipungut dan diproses oleh Jabatan dan data dari agensi kerajaan lain adalah usaha untuk memperkasakan perkhidmatan statistik. Penyediaan infrastruktur ini adalah selaras dengan penggunaan data yang semakin dinamik dan mencabar oleh komuniti pengguna. Meningkat dan mempelbagaikan kemudahan capaian maklumat dilaksanakan seiring dengan peningkatan keupayaan pangkalan data serta perluasan perkongsian data mikro dan statistik bagi kawasan kecil.

Program Keempat: Meningkatkan keupayaan pembekalan pelbagai data ekonomi dan sosial bertujuan menyokong pembuat dasar merangka program sosial dan ekonomi dalam senario yang dinamik dan mencabar. Data yang diperluaskan skopnya dan data baru ekonomi domestik dan antarabangsa serta statistik sosial adalah tumpuan ke arah pemerkasaan perkhidmatan statistik. JP komited untuk menambahbaik format persempahan, perluasan skop analisis serta perincian data dan maklumat yang boleh

disebarkan untuk membolehkan pengguna mendapat maklumat yang sesuai dengan keperluan semasa.

Program Kelima: Memperkuatkan Sistem Perangkaan Malaysia melalui penyelarasan aktiviti pengumpulan data antara JP dan agensi lain. Pengukuhan penyelarasan aktiviti pengumpulan data, merupakan pelan pelaksanaan pengkayaan kandungan repositori data melalui perluasan penggunaan data pentadbiran yang berkualiti selaras dengan konsep, definisi, kod dan klasifikasi yang ditetapkan di peringkat antarabangsa.

Program Keenam: Memperkasakan sistem rangka ekonomi dan isi rumah dengan meningkat sistem rangka ekonomi dan isi rumah melalui pemantapan pengurusan rangka Sistem Daftar Berpusat dan Sistem Pangkalan Data Rangka Banci supaya kedua-dua rangka tersebut menjadi lebih komprehensif. Sistem Daftar Berpusat akan sentiasa dikemas kini melalui senarai daftar syarikat terkini dan maklumat di lapangan, sementara *Global Positioning System* (GPS) digunakan bagi memantapkan lagi identifikasi sempadan Blok Penghitungan.

Strategi 2 :
Menggunakan Metodologi Statistik Dan Teknologi Secara Optimum

Aplikasi metodologi statistik dan teknologi secara optimum dapat mengurangkan kebergantungan kepada sumber manusia dan membolehkan pengeluaran produk dan perkhidmatan yang lebih menepati masa. Langkah bagi memenuhi strategi ini adalah dengan menyepadan pengetahuan teknikal, *soft skills*, sofwer, perkakasan dan penyesuaian amalan terbaik Agensi Statistik Antarabangsa. Program yang dirangka untuk mencapai sasaran tersebut adalah:

Program Pertama: Memperkuatkan penganalisan data dengan memperkasa perolehan data dan teknik penganalisan terbaik bidang kajian spesifik. Ini disokong dengan usaha berterusan penggunaan teknik pensampelan dalam pungutan data dan memperluaskan penggunaan perisian statistik termaju



bagi penganalisan yang pelbagai mengikut keperluan khusus butiran perkara dan pengguna.

Program Kedua: Meningkat dan memperkasakan penyediaan reka bentuk pensampelan yang efisien melalui kajian semula kaedah pensampelan yang bersesuaian mengikut penyiasatan khususnya bagi penyiasatan ekonomi berdasarkan pertubuhan perniagaan atau isi rumah. Penggunaan sofwer yang bersesuaian dalam menjana statistik berkaitan akan dikaji dari semasa ke semasa, di samping itu pemantauan berterusan ke atas operasi di lapangan sentiasa dilakukan bagi memastikan kepatuhan kepada prosedur penyiasatan.

Program Ketiga: Mempertingkatkan penggunaan metodologi statistik yang lebih meluas bagi penganggaran secara tidak langsung dalam penyediaan data awalan atau ramalan jangka pendek. Begitu juga dengan usaha memperluas dan memantapkan penggunaan teknik pemodelan yang sedia ada untuk mempertingkatkan kebolehan penjanaan statistik dengan kadar segera.

Program Keempat: Memperluaskan pelaksanaan projek NEWSS bagi mempertingkatkan kecekapan pengurusan data dan maklumat. Ia meliputi proses persediaan pengumpulan data, semasa dan selepas pungutan data, prosesan dan penyebaran data. Penggunaan teknologi yang meluas dan dilengkapi dengan pemerkasaan sumber manusia dapat mengukuhkan pelaksanaan amalan dan standard pungutan data terbaik bertaraf antarabangsa.

Strategi 3 : Mempertingkatkan Kefahaman Dan Penggunaan Statistik Di Kalangan Pengguna Dan Komuniti

JP memberi penekanan kepada strategi promosi dan pemasaran produk Jabatan terutamanya kepada pengguna berpotensi bersesuaian dengan konsep *statistics as a public goods*. Dalam senario keputusan diambil berdasarkan fakta, statistik seharusnya mudah diakses oleh pengguna utama dan orang awam. Secara khususnya program yang dirangka adalah seperti berikut:

Program Pertama: Meningkatkan program publisiti dan promosi dengan memperluaskan kaedah penyebaran dan komunikasi data. Penyebaran dan komunikasi akan

diperluaskan antaranya melalui portal, pangkalan data dan kerjasama strategik dengan agensi lain bagi meningkatkan kefahaman dan penggunaan statistik. Di samping itu, penglibatan pihak media akan dipertingkatkan bagi menyokong usaha ini. JP juga menggiatkan lagi penyertaannya dalam seminar, bengkel dan pameran.

Program Kedua: Meningkatkan kemudahan capaian data oleh pengguna sentiasa diambil perhatian antaranya melalui ketersediaan pangkalan data, pembangunan modul interaktif dan penyebaran maklumat melalui MySMS. Kemudahan muat turun secara percuma dalam portal JP dipertingkatkan lagi. Memperkasa medium pembayaran oleh pengguna dengan memperkenalkan *e-payment*.

Strategi 4 : Memperluaskan Rangkaian Dengan Pihak Pembekal Dan Pengguna

Bagi meningkatkan keupayaan dalam perolehan data, JP secara berterusan memperluaskan rangkaian dengan pihak pembekal data iaitu dengan meningkatkan koordinasi dan kolaborasi dengan pembekal data melalui perkongsian data dengan agensi kerajaan lain. Keupayaan JP dalam komunikasi statistik ditingkatkan melalui perundingan dengan pengguna data. Fungsi koordinasi aktiviti statistik serta khidmat perundingan dipergiatkan sebagai usaha meletakkan perkhidmatan ini dalam arus perdana.

Program yang disusun adalah seperti berikut:

Program Pertama: Meningkatkan kolaborasi dengan pembekal data melalui perjanjian/persetujuan perkongsian data. Pengukuhan fungsi JP dari sudut perundangan turut diberi perhatian dalam strategi ini. Semakan semula Akta Perangkaan 1965 (Disemak-1989) menjadi faktor penting bagi mengukuhkan lagi tanggungjawab dan memudah cara pelaksanaan aktiviti pengumpulan data.

Program Kedua: Meningkatkan perundingan dengan pengguna data melalui mekanisme yang sedia ada, antaranya Jawatankuasa Pemandu Statistik dan Jawatankuasa Pengguna Utama. Kedua-dua Jawatankuasa dan Kumpulan Perancang Antara Agensi (IAPG) adalah forum yang digunakan sepenuhnya untuk mengesan keperluan data atau indikator baru bagi bidang sosial dan ekonomi. Kajian terhadap keperluan



stakeholders dan pengguna swasta melalui sesi interaktif dilaksanakan secara berterusan.

Teras Strategik 2: Mempertingkatkan Penyelidikan dan Analisis serta Membudayakan Inovasi

JP, sebagai penjana statistik negara, terus mengambil langkah untuk memantapkan peranannya melalui aktiviti memperkasakan penyelidikan dan analisis serta menerapkan budaya inovasi di kalangan anggotanya. Keupayaan pengetahuan dijadikan asas dalam menjayakan Teras Strategik 2 ini.

Tiga strategi telah digariskan di bawah teras strategik ini.

Strategi 1 : Meningkatkan Keupayaan Penyelidikan Dan Analisis

Untuk melaksanakan Strategi 1, beberapa aktiviti dirancang adalah menjurus kepada peningkatan keupayaan penyelidikan dan analisis data. Program yang disusun adalah:

Program Pertama: Memantapkan analisis data. Objektif program ini ialah untuk meningkatkan nilai tambah produk yang dihasilkan dan meningkatkan kompetensi pegawai-pegawai JP. Bahagian/JP Negeri perlu menyediakan dua kertas penyelidikan statistik setahun. Selain daripada itu, Bahagian/JP Negeri juga dikehendaki menyediakan analisis untuk data yang diterbitkan.

Program Kedua: Membuat kajian dalam bidang baru/khas. Ia bertujuan untuk memenuhi keperluan *stakeholders*/pengguna. Setiap Bahagian dikehendaki mengenal pasti sekurang-kurangnya satu bidang baru bagi tempoh 2010-2014.

Strategi 2 :

Memupuk Budaya Inovasi Dalam Penghasilan Dan Penyampaian Produk Dan Perkhidmatan Statistik

Bagi memupuk budaya inovasi, JP terus meningkatkan keupayaan pengetahuan melalui pendidikan dan latihan, mengeratkan jaringan pintar dengan badan statistik antarabangsa negara maju, pusat pengajian tinggi serta pertumbuhan profesional dalam dan luar negara. Secara khusus program yang diatur adalah:

Program Pertama: JP akan terus meningkatkan jaringan kerjasama dengan pengguna utama, pusat pengajian tinggi dan pertumbuhan profesional dalam dan luar negara. Objektif program ini ialah untuk meningkatkan perkongsian ilmu dan kepakaran serta pendedahan kepada bidang baru. JP sentiasa memberi peluang pegawai menghadiri seminar dan mesyuarat dalam dan luar negara. Inisiatif ini akan menggalakkan percambahan idea antara agensi terutama agensi statistik.

Program Kedua: Meneruskan aktiviti Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK). Semua Bahagian dan JP Negeri wajib menyertai pertandingan KIK di peringkat Jabatan yang diadakan secara tahunan. Tumpuan KIK adalah kepada bidang *core business* dan pentadbiran/kewangan serta teknologi.

Program Ketiga: Menyertai program Penarafan Bintang peringkat kementerian untuk meningkatkan penghasilan dan penyampaian produk statistik oleh JP.



Strategi 3 : Membangunkan Modal Insan Yang Kompeten Pada Tahap Profesionalisme Yang Tinggi

Pembangunan modal insan yang kompeten, kreatif dan berinovasi serta sikap positif dan nilai insaniah yang murni sentiasa diterapkan. Pembangunan modal insan yang tersusun dilaksanakan melalui program berikut:

Program Pertama: Meneruskan pembangunan modal insan secara strategik dan terancang melalui pemantapan MINJARO. Ia dilaksanakan melalui penghayatan dan amalan nilai teras JP, budaya mempertingkatkan ilmu dan membentuk kepimpinan. Kursus dan latihan bagi Pelan Kompetensi Perangkaan yang melibatkan kursus fungsian, umum, motivasi dan teknikal, pembentangan kertas di dalam dan di luar negara, adalah aktiviti yang sentiasa dipantau dan dititikberatkan.

Program Kedua: Memberi khidmat perundingan teknikal mengikut bidang kepada agensi dalam dan luar negara diteruskan dan dipertingkatkan. Bagi mempersiapkan anggota ke arah khidmat tersebut, JP akan meneruskan usaha latihan kepada pelatih/fasilitator, mengadakan bicara intelek dan syarahan daripada tokoh terkemuka (*executive talk*) dengan lebih kerap.

Program Ketiga: Memelihara khazanah pengetahuan JP melalui Sistem Pengurusan Ilmu, yang berobjektif untuk membudaya dan menggalakkan perkongsian pengetahuan. Dalam usaha untuk mewujudkan modal insan yang kompeten dan berdaya saing, secara lonjakan berganda (*leapfrog*), Institut Latihan Statistik Malaysia (ILSM) sedang dibangunkan untuk memperluaskan skop Bahagian Latihan Perangkaan yang sedia ada. Penubuhan ILSM adalah untuk menyediakan latihan yang berterusan, program latihan lebih terancang yang memberi ruang kepada pembinaan profesionalisme yang tinggi bersesuaian dengan aspirasi Jabatan untuk meningkatkan kepakaran anggota setara dengan pencapaian di negara maju.

Program Keempat: Membentuk organisasi berprestasi tinggi dan memupuk minda kelas pertama iaitu JP turut melaksanakan pengurusan prestasi berdasarkan KPI. Pengukuran KPI pada masa kini telah diwujudkan di peringkat Jabatan, Bahagian dan JP Negeri serta diperluaskan sehingga ke peringkat individu untuk mengekalkan dan meningkatkan prestasinya.

Teras Strategik 3 : Memperkasakan Pengurusan Sumber

Pengurusan sumber yang cekap dan efektif merupakan aspek yang sangat penting dan sentiasa diberi perhatian oleh JP. Strategi memperkasakan pengurusan sumber ini dapat direalisasikan dengan mengambil kira aspek pengambilan anggota, pelan penggantian bagi jawatan strategik, sistem pangkalan data anggota, latihan, pembangunan organisasi, kesesuaian penempatan jawatan pegawai kader, penilaian dan pengiktirafan, kewangan dan aset serta pentadbiran am.

Strategi 1 :
Memperkuuhkan Pengurusan Sumber Manusia

Tujuh program telah digariskan bagi memperkuuhkan lagi Pengurusan Sumber Manusia JP sebagaimana berikut:

Program Pertama: Melaksanakan pelan pengambilan anggota baru berdasarkan kajian dan perancangan rapi tentang keperluan perjawatan di Bahagian dan JP Negeri. Kajian perlu berdasarkan kepada bebanan tugas, tanggungjawab tambahan dan cabaran-cabaran baru yang dihadapi oleh JP.

Program Kedua: Melaksanakan pelan penggantian jawatan strategik iaitu gred 48 dan ke atas. Perancangan dan pemilihan berdasarkan kepada anggota yang memiliki ciri-ciri seperti berketerampilan, berprestasi tinggi, berpengetahuan dan berkemahiran tinggi. JP perlu mempersiapkan barisan kepimpinan pelapis agar dapat mewarisi dan meneruskan kesinambungan kepimpinan Jabatan pada masa akan datang.

Program Ketiga: Memastikan supaya pelaksanaan Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia (HRMIS) dapat dimanfaatkan dan digunakan sepenuhnya. Modul-modul seperti pengurusan cuti, perisyiharan harta dan sebagainya akan diimplementasikan bagi memastikan pelaksanaan rekod anggota yang mantap secara elektronik.

Program Keempat: Memperkasa Sistem Pengurusan Latihan (SPL) dan pembangunan anggota yang bersistematis dan berterusan dengan mengambil kira aspek pelan kompetensi



yang digariskan bagi setiap anggota serta kemampuan kewangan.

Program Kelima: Merancang kajian semula struktur organisasi supaya sesuai dengan keperluan semasa. Ini untuk memastikan Jabatan sentiasa peka terhadap ekspektasi pengguna yang pelbagai dalam persekitaran yang dinamik dan mencabar dengan menyediakan kapasiti sumber manusia yang mencukupi. Sehubungan ini, amatlah penting Jabatan meneliti perjawatan sedia ada dan mengkaji kemampuan organisasi untuk menangani perubahan semasa termasuk mengambil inisiatif untuk mengkaji semula kedudukan struktur organisasi Jabatan.

Program Keenam: Memperkasa perjawatan dan penempatan anggota kader di Jabatan dan Kementerian dari segi peranannya sebagai sumber rujukan utama dalam perkhidmatan perangkaan.

Program Ketujuh: Memantapkan sistem penilaian dan pengiktirafan individu. Jabatan akan melaksana sistem penilaian yang lebih komprehensif menerusi pendekatan penilaian *superior-peer-subordinate* berdasarkan kepada penunjuk prestasi bagi setiap individu. Memantapkan pelaksanaan *Non-Monetary Reward*. Anggota yang menunjukkan prestasi tinggi akan diberi pengiktirafan sewajarnya.

Strategi 2 : Memantapkan Pengurusan Sumber Kewangan Dan Aset

Dalam memantap dan memperkasakan lagi pengurusan kewangan dan aset, lima program telah dirancang untuk dicapai dalam Pelan Strategik JP bagi tempoh lima tahun akan datang meliputi:

Program Pertama: Memantapkan keberkesanan Pengurusan Penyediaan Belanjawan JP. Program ini merupakan antara yang terpenting di dalam strategi ini agar Jabatan memperoleh peruntukan yang mencukupi untuk membiayai semua aktivitinya dengan berkesan.

Program Kedua: Memantap dan memperkuuhkan lagi Pengurusan Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan Jabatan dengan memastikan peruntukan yang diterima dibelanjakan mengikut program dan jadual yang ditetapkan. Bagi mencapai sasaran tersebut, latihan pengurusan kewangan dan seumpamanya akan diberikan dari semasa ke semasa kepada

anggota yang terlibat dalam Pengurusan Kewangan supaya lebih jelas dan mahir mengenai aspek Pengurusan Belanjawan.

Program Ketiga: Memantapkan pengurusan perolehan supaya setiap perbelanjaan mendapat *value for money*, peruntukan dibelanjakan secara bijak dan berhemah serta memberi faedah maksimum kepada JP.

Program Keempat: Memastikan pengurusan pembayaran bil melalui e-SPKB/e-Perolehan mematuhi Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 7 Tahun 2009, Pindaan Ke Atas Arahan Perbendaharaan 103 mengenai pembayaran bil perlu diselesaikan dalam tempoh 14 hari dan mengelakkan pembayaran bil di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a) dan Arahan Perbendaharaan 59. Bagi merealisasikan pembayaran bil dalam tempoh 14 hari tanpa gagal dan dibayar dalam tahun semasa, pegawai bertanggungjawab perlu mahir dan cekap mengaplikasikan sistem e-SPKB/e-Perolehan ini. Latihan, kursus dan bengkel tentang penggunaan sistem berkenaan akan diadakan dari semasa ke semasa.

Program Kelima: Memperkemas dan memantapkan Pengurusan dan Pemantauan Harta Modal dan Aset Alih Kerajaan supaya dilaksanakan secara teratur dan berkesan mengikut tatacara dan prosedur yang ditetapkan. Latihan, pemantauan dan pematuhan terhadap peraturan-peraturan yang berkuat kuasa akan dititikberatkan dan diberi perhatian agar pengurusan aset Jabatan berada dalam keadaan teratur, sempurna dan memuaskan.

Strategi 3 : Meningkatkan Kecekapan Khidmat Pengurusan Dan Pentadbiran

Lima program digariskan di bawah strategi ini untuk meningkatkan kecekapan Khidmat Pengurusan dan Pentadbiran Am di JP meliputi:

Program Pertama: Memperkemaskan lagi pengurusan kualiti Jabatan supaya dapat memperluaskan penghayatan dan kesedaran tentang kepentingan kualiti terhadap semua pihak. Melalui aktiviti ini, mesyuarat Pengurusan Kualiti dan kerja pelaksanaan projek berkaitan kualiti sentiasa berjalan dan akan diadakan mengikut jadual. Selain itu, idea-idea penambahbaikan akan terus



dilaksanakan untuk mencapai tahap kualiti yang membanggakan bagi meningkatkan lagi imej Jabatan. Memperluas kajian kemungkinan perluasan skop laporan untuk MS ISO 9001:2008 serta standard kualiti lain yang diiktiraf.

Program Kedua: Mewujudkan pengurusan keurusetiaan dan majlis yang cekap di JP agar dapat dilaksanakan dengan lancar, berkesan dan sempurna supaya memenuhi standard dan kualiti yang ditetapkan. Anggota JP akan diberikan pendedahan melalui latihan, kursus dan simulasi agar dapat mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka dalam pelbagai aspek.

Program Ketiga: Memantapkan pematuhan kepada pekeliling-pekeliling, surat-surat pekeliling, arahan pentadbiran dan peraturan-peraturan yang berkuatkuasa. Aktiviti yang dirancang termasuklah amalan dan penghayatan terhadap prosedur dan tatacara pentadbiran yang cekap, teratur, sistematik dan seragam di seluruh Jabatan. Latihan dan peningkatan pengetahuan akan diberikan kepada semua anggota yang terlibat supaya amalan terbaik dapat dilaksanakan dengan lancar.

Program Keempat: Memastikan keselamatan dan keselesaan pejabat di seluruh JP berada pada tahap yang benar-benar terjamin dan memuaskan serta mematuhi prosedur-prosedur yang ditetapkan oleh Kerajaan.

Program Kelima: Memantapkan aktiviti Khidmat Sokongan Pengurusan. Memastikan peningkatan kualiti dan ketepatan masa dalam aktiviti perancangan dan pelaporan kepada pihak Pengurusan. Memperkasa kemahiran keurusetiaan dan penyelarasan menggunakan teknik pengurusan yang berkesan. Menyelaras aktiviti pelaporan kemajuan kerja Jabatan dan penyediaan dokumen Kerajaan seperti memorandum Jemaah Menteri dan Nota Makluman Kabinet. Memperkasa kerjasama, komunikasi dan perundingan dengan agensi tempatan dan antarabangsa.

Strategi 4 :**Memperkatkkan Sumber Dan Kecekapan Pengurusan Teknologi Maklumat**

Dalam mempertingkat dan mempercepatkan pengurusan dan penggunaan teknologi maklumat, program berikut dirangka untuk memastikan kelangsungan IT sebagai *enabler* dan *leader* dalam menjayakan tugas dan objektif Jabatan.

Program Pertama: Memastikan perkakasan dan sofwer diurus dan disenggarakan dengan cekap bagi memastikan tugas dan perkhidmatan JP sentiasa berjalan lancar seperti yang digariskan dalam MS ISO 9001:2008.

Program Kedua: Memastikan pelan penggantian perkakasan teknologi mengikut jangka hayat dan pertambahan anggota, agar tidak berlaku gangguan dalam pelaksanaan tugas dan memastikan peningkatan kecekapan ICT dari semasa ke semasa.


Program Ketiga: Mengadakan latihan dan kursus yang berkaitan penyenggaraan perkakasan dan sofwer, keselamatan dan perlindungan maklumat serta perolehan sofwer untuk statistik dan fungsian.

Program Keempat : Mengkaji semula Pelan Strategik ICT secara berkala bertujuan untuk mengoptimumkan dan menjajarkan keperluan ICT JP supaya selaras dengan fungsian semasa.

Program Kelima : Menyediakan kursus dan latihan ICT yang bersesuaian untuk pegawai ICT. Ini dilaksanakan menerusi perancangan latihan kemahiran terancang mengikut bidang kepakaran dan pengkhususan anggota.

Secara keseluruhan hubung kait antara Teras Strategik dan Strategi ditunjukkan dalam **Rajah 2**.

Rajah 2: Hubung Kait antara Teras Strategik dan Strategi



4.4 Pelan Tindakan

Untuk memastikan pencapaian Teras Strategik seperti yang dirangka, JP telah menyusun Pelan Tindakan untuk tempoh 2010 hingga 2014.

Pelan Tindakan ini disokong oleh perincian Pelan Pelaksanaan untuk tempoh yang sama.

BAB 5




MEKANISME PELAKSANAAN

5.1 Pendahuluan

Pelan Strategik Jabatan (PSJ) 2010-2014 akan dijadikan panduan dan dilaksanakan dengan penuh komitmen oleh semua warga JP. Bagi pelaksanaan yang lebih berkesan dan dapat mencapai objektif yang telah ditetapkan, maka pemantauan pelaksanaannya adalah diperlukan. Dalam hal ini, kemajuan pelaksanaan PSJ dapat dikesan dan dipantau melalui laporan secara berkala dan berterusan yang dibentangkan dalam mesyuarat jawatankuasa yang dibentuk. Dalam usaha memastikan kelancaran pelaksanaan PSJ, JP menubuhkan Jawatankuasa Pemandu PSJ yang bertindak sebagai pemantau kepada Jawatankuasa Pelaksanaan PSJ. Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu PSJ dan Jawatankuasa Pelaksanaan PSJ dijalankan sekurang-kurangnya dua kali setahun. Kedudukan Jawatankuasa Pemandu dan Jawatankuasa Pelaksanaan PSJ adalah seperti berikut :

Carta 2 : Kedudukan Jawatankuasa Pemandu dan Jawatankuasa Pelaksanaan Pelan Strategik Jabatan





MEKANISME PELAKSANAAN

Jabatan Perangkawon
MALAYSIA

5.2 Jawatankuasa Pemandu Pelan Strategik

Pengerusi :

Ketua Perangkawan Malaysia

Ahli-ahli :

- Timbalan Ketua Perangkawan Program Sosial/Demografi
- Timbalan Ketua Perangkawan Program Ekonomi
- Pengarah Kanan
Bahagian Pengurusan dan Sumber Manusia
- Pengarah Kanan
Bahagian Perangkaan Harga, Pendapatan dan Perbelanjaan
- Pengarah Kanan
Bahagian Perangkaan Akaun Negara
- Pengarah Kanan
Bahagian Pengurusan Maklumat
- Pengarah
Bahagian Koordinasi Data
- Pengarah
Bahagian Korporat dan Khidmat Pengguna

Urus Setia :

Bahagian Korporat dan Khidmat Pengguna

Terma Rujukan:

- a) Memberi panduan dan nasihat dalam pelaksanaan pelan strategik.
- b) Menilai laporan kemajuan dan pencapaian pelaksanaan selaras dengan sasaran yang ditetapkan.
- c) Memutuskan cadangan penambahan atau pengurangan aktiviti yang diterima daripada Jawatankuasa Pelaksanaan.
- d) Membuat keputusan terhadap tindakan-tindakan yang perlu diambil bagi memastikan kelancaran pelaksanaan pelan strategik.
- e) Memutuskan tindakan penambahbaikan dalam mengatasi kekangan dalam pelaksanaan pelan strategik.

5.3 Jawatankuasa Pelaksanaan Pelan Strategik

5.3.1 Program Khidmat Pengurusan/Koordinasi

Pengerusi :

Pengarah Bahagian Koordinasi Data

Ahli-ahli :

- Pengarah Kanan
Bahagian Pengurusan dan Sumber Manusia
- Pengarah Kanan
Bahagian Pengurusan Maklumat
- Pengarah
Bahagian Latihan Perangkaan
- Pengarah
Bahagian Korporat dan Khidmat Pengguna
- Pengarah
Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan
- Pengarah
Bahagian Metodologi

Urus Setia :

Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan



5.3.2 Program Sosial/Demografi

Pengerusi :

Timbalan Ketua Perangkawan Program Sosial/Demografi

Ahli-ahli :

- Pengarah Kanan
Bahagian Perangkaan Harga, Pendapatan dan Perbelanjaan
- Pengarah
Bahagian Perangkaan Banci Penduduk dan Perumahan
- Pengarah
Bahagian Perangkaan Demografi
- Pengarah
Bahagian Perangkaan Tenaga Manusia dan Sosial
- Pengarah
Bahagian Perangkaan Pertanian dan Asas Tani
- Pengarah
Bahagian Perangkaan Alam Sekitar
- Wakil JP Negeri

Urus Setia :

Bahagian Perangkaan Tenaga Manusia dan Sosial

5.3.3 Program Ekonomi

Pengerusi :

Timbalan Ketua Perangkawan Program Ekonomi

Ahli-ahli :

- **Pengarah Kanan**
Bahagian Perangkaan Akaun Negara
- **Pengarah Kanan**
Bahagian Perangkaan Perkhidmatan
- **Pengarah**
Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri dan Binaan
- **Pengarah**
Bahagian Perangkaan Perdagangan Luar Negeri
- **Pengarah**
Bahagian Penunjuk Ekonomi
- **Pengarah**
Bahagian Perangkaan Imbangan Pembayaran
- **Wakil JP Negeri**

Urus Setia :

Bahagian Perangkaan Perkhidmatan

Terma Rujukan:

- a) Memantau pelaksanaan pelan strategik dengan mewujudkan satu mekanisme penilaian berdasarkan sasaran prestasi yang telah ditetapkan dalam Pelan Tindakan dan Pelan Pelaksanaan.
- b) Menyediakan laporan kemajuan pencapaian tahunan setiap aktiviti pelaksanaan kepada Jawatankuasa Pemandu.
- c) Mengenalpasti kekangan dalam pelaksanaan pelan strategik dan mengemukakan cadangan penambahbaikan kepada Jawatankuasa Pemandu.
- d) Mengkaji permohonan sebarang cadangan penambahan atau pengurangan aktiviti.
- e) Menilai hasil rundingan dengan pengguna dalaman dan luaran Jabatan berkenaan input bagi mengukuhkan pelaksanaan pelan strategik.
- f) Memastikan pelan strategik berteraskan pencapaian dan memenuhi ekspektasi pelanggan dalaman dan luaran selaras dengan teras Misi Nasional.
- g) Melaksanakan kajian semula separuh penggal aktiviti-aktiviti pelan strategik dari sudut liputan, tempoh pelaksanaan, sumber manusia, keperluan latihan, penggunaan ICT dan peruntukan kewangan.

5.4 Sasaran Pencapaian

Maklumat terperinci sasaran pencapaian prestasi ditunjukkan dalam **Pelan Tindakan** dan **Pelan Pelaksanaan**. Contoh laporan pemantauan dan pencapaian Pelan Tindakan adalah seperti di bawah:

5.4.1 Teras Strategik 1

Teras dan strategi		2010	2011	2012	2013	2014
Teras Strategik 1 Menyediakan maklumat yang berintegrasi dan reliable	Strategi 1 Mempersara perkhidmatan statistik dalam persekitaran yang dinamik dan mencabar	1	Sekurang-kurangnya 3 penyiasatan bulanan/suku tahunan dijalankan menggunakan e-survey			
		2	Sekurang-kurangnya 5 sumber data pentadbiran dapat digunakan.			
		3	Pengemaskinian semua pertubuhan yang terlibat dalam penyiasatan ekonomi dan 60 % pertubuhan luar sampel setiap tahun.			
	Strategi 2 Menggunakan metodologi statistik dan teknologi secara optimum	1	Nilai RSE yang minimum untuk setiap <i>variable</i> yang dikaji			
		2	Enam (6) sistem dilaksanakan dalam NEWSS pada akhir Mac 2010 dan sistem lain dilaksanakan dalam NEWSS secara berperingkat dalam tahun 2010 dan 2011			
		3	Keutamaan bagi peta di strata 1, strata 2 dan strata 3 yang disediakan menggunakan GIS menjelang 2010			
	Strategi 3 Meningkatkan kerahaman dan penggunaan statistik di kalangan pengguna dan komuniti	1	Promosi melalui media elektronik dan cetak sekurang-kurangnya 2 kali setahun			
		2	Pembangunan Modul Interaktif Menggunakan <i>Business Intelligence</i> (BI) untuk Pangkalan Data Perdagangan			
		3	Menyediakan portal yang memberi kemudahan kepada pengguna untuk memuat turut data yang diterbitkan secara percuma			
	Strategi 4 Memperluaskan rangkaian dengan pihak pembekal dan pengguna	1	Kolaborasi dengan 10 pembekal data (OGAs) yang dikenalpasti dan dipersetujui			


5.4.2 Teras Strategik 2

Teras dan strategi		2010	2011	2012	2013	2014				
Teras Strategik 2 Mempertingkatkan penyelidikan dan analisis serta membudayakan inovasi	Strategi 1 Meningkatkan keupayaan penyelidikan dan analisis	1	Penulisan 2 kertas analisis / jurnal statistik setiap tahun bagi setiap bahagian / JP Negeri							
		2	Sekurang-kurangnya satu bidang baru bagi setiap Bahagian							
	Strategi 2 Menutupi budaya inovasi dalam penghasilan dan penyampaian produk dan perkhidmatan statistik	1	Kerjasama dengan sekurang-kurangnya 2 agensi statistik lain dalam tempoh 2010-2014							
		2	Penyertaan Jabatan dalam program kualiti dan inovasi							
	Strategi 3 Menyediakan modal insan yang kompeten pada tahap profesionalisme yang tinggi	1					Pembangunan Institut Latihan Statistik Malaysia (ILSM)			
		2	Menganjurkan Executive Talk sekurang-kurangnya 4 kali setahun.							
		3	Pelaksanaan sepenuhnya <i>Knowledge Management System</i> (KMS)							
		4			<i>Performance Management System</i> (PMS) dilaksanakan 100%					

5.4.3 Teras Strategik 3

Teras dan strategi		2010	2011	2012	2013	2014
Teras Strategik 3 Memperkasakan pengurusan sumber	Strategi 1 Memperkuatkan pengurusan sumber manusia	1	Semua calon Anggota Baru mengikuti peperiksaan bertulis, program penilaian dan temuduga (sebelum dilantik)			
		2				Pelaksanaan 80% modul dan submodul HRMIS di Jabatan pada 2014
		3		Penstrukturkan semula Jabatan		
	Strategi 2 Memantapkan Pengurusan sumber kewangan dan aset	1	100% bil dibayar dalam tempoh 14 hari.			
Strategi 4 Mempertingkatkan sumber dan kecekapan pengurusan teknologi maklumat	Strategi 3 Meningkatkan kecekapan Khidmat pengurusan dan pentadbiran	1	Memastikan semua program yang digariskan oleh Kerajaan dipatuhi			
		1	Sistem aplikasi dapat digunakan mengikut keperluan pengguna.			
		2	ISP bagi tahun 2011-2015 disediakan pada akhir tahun 2010			

LAMPIRAN



Analisis SWOT

Analisis SWOT digunakan untuk mengenal pasti kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman di JP.

KEKUATAN

1. Kedudukan organisasi yang mantap dan guna tenaga yang kompeten dan mencukupi bersetujuan dengan bidang keperluan. Memiliki guna tenaga muda dan berkelayakan yang boleh dibentuk untuk meningkatkan kepakaran dan memenuhi aspirasi masa depan JP.
2. Mendapat pengiktirafan MS ISO 9001:2008 meliputi proses utama pengumpulan, pemprosesan, pentafsiran dan penyebaran statistik primer di mana maklumat yang disediakan adalah diperoleh melalui penyiasatan yang dijalankan oleh JP. Statistik primer yang disediakan ialah Indeks Harga Pengguna dan Statistik Harga Pengguna Lain; Statistik Pembuatan Bulanan, Indeks Pengeluaran Perindustrian dan Statistik Pembuatan Bulanan Lain; dan Statistik Penyiasatan Tenaga Buruh.
3. Menggunakan metodologi penyelidikan dan penyusunan statistik yang kukuh serta memenuhi standard antarabangsa.
4. Menggunakan rangka pensampelan yang baik; dan sistem serta prosedur pengemaskinian rangka yang berkala dan sistematik.
5. Menjadi rujukan dalam beberapa bidang tertentu kepada negara-negara seperti di ASEAN, Timur Tengah, Uzbekistan, Syria, Bhutan, Nepal, Afghanistan, Maldives dan Sri Lanka dalam penyusunan statistik.
6. Menjadi pakar runding statistik kepada agensi kerajaan dan swasta terutamanya dalam bidang pensampelan dan penyusunan statistik.
7. Penglibatan dan pendedahan di peringkat antarabangsa dalam aktiviti (pengeluaran dan penyusunan) statistik seperti menjadi ahli kumpulan pakar; jawatankuasa kerja; dan menghadiri bengkel, seminar dan persidangan yang berkaitan.
8. Mempunyai persekitaran kerja yang kondusif.
9. Mempunyai kemudahan infrastruktur ICT dan peralatan pejabat yang lengkap. Melalui kemudahan ini, hubungan antarabangsa menjadi mudah dan meluas; dan capaian kepada maklumat statistik dan rujukan lain menjadi lebih cekap.



10. JP telah diiktiraf kerana mempunyai amalan dan sistem statistik yang baik. Justeru itu, kunjungan diterima daripada agensi statistik luar negara untuk mendapatkan khidmat nasihat dan latihan berkaitan perangkaan akaun negara, binci penduduk, demografi dan lain-lain.
11. Menubuhkan Institut Latihan Statistik Malaysia (ILSM) yang akan meningkatkan program pembangunan modal insan ke arah kemajuan kompetensi anggota. Program latihan pembangunan modal insan memberi penekanan kepada empat kategori utama iaitu *functional*, *ICT*, *generic* dan *behavioural*.

KELEMAHAN

1. Kekurangan melaksanakan penyelidikan dan analisis statistik yang terperinci.
2. Kekurangan dalam memberikan penerangan kepada komuniti mengenai kefahaman dan kepentingan penggunaan statistik (*literacy statistics*).
3. Kurang membuat tinjauan dan kajian terhadap perisian statistik terbaru yang boleh membantu meningkatkan keupayaan analisis dan mempercepatkan proses kerja.
4. Kajian keperluan pelanggan yang kurang meluas mengenai bidang statistik.
5. Kurang menjalankan hubungan dengan Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta dari aspek teori dan pembelajaran mengenai bidang statistik.
6. Kurang interaktif dalam sistem penyampaian kerana sebahagian besar sistem penyampaian masih lagi dalam bentuk penerbitan.

PELUANG

1. Meneroka, mengkaji dan memperluaskan bidang statistik seperti *Social Accounting Matrix (SAM)*, *Small Area Statistics Estimation* dan Pemodelan Ekonometrik.
2. Mendapat sokongan padu daripada pihak kerajaan terutamanya dalam aspek kewangan, penggunaan teknologi maklumat terkini melalui kemajuan ICT dan peluang latihan yang terbuka di dalam dan luar negara.

3. Penggunaan data pentadbiran dari OGAs akan dipertingkatkan dalam usaha untuk memenuhi peningkatan dan perluasan keperluan data serta mengurangkan beban responden.
4. Permintaan produk baru yang berterusan oleh *stakeholders* bagi tujuan mengembangkan kepakaran.
5. Berinteraksi dengan *stakeholders* dan pakar runding luar negara untuk mempertingkatkan kualiti, produk dan sahsiah. Peningkatan dalam penggunaan metodologi penyelidikan dan ICT terkini akan dapat memenuhi permintaan dan ekspektasi *stakeholders* dan pengguna terhadap kebolehpercayaan data sehingga di peringkat mikro dan indikator lain yang berkaitan.
6. Mewujudkan jaringan kerjasama dan komunikasi dengan organisasi antarabangsa dalam bidang statistik melalui penghantaran anggota ke luar negara untuk menghadiri kursus dan menyertai program sangkutan bagi mendalami pengetahuan dan pengalaman.

ANCAMAN

1. Kepakaran yang dibawa bersama apabila persaraan berlaku. Perbezaan generasi yang terlalu jauh dan kurang berpengalaman untuk menggantikan mereka yang telah bersara.
2. Selain JP, agensi-agensi kerajaan lain turut menjalankan penyiasatan yang berkaitan *core business* mereka. Kebolehpercayaan terhadap data yang dikeluarkan perlu dijaga agar pengeluaran statistik tidak diambil alih oleh agensi lain.
3. Banyak akta mengawal kerahsiaan maklumat yang dipungut oleh pelbagai agensi. Sebagai contoh akta telah menghalang perkongsian maklumat dengan agensi kerajaan lain dan memperuntukkan pembayaran kepada data-data yang dikongsi dengan agensi tersebut. Akta ini telah menghalang perkongsian maklumat kepada JP sebagai *custodian* data rasmi negara.
4. Permintaan data *adhoc* yang terlalu banyak daripada *stakeholders* boleh mengganggu kerja-kerja rutin. Perkara ini perlu diselaraskan dengan sebaik mungkin supaya kerja-kerja rutin yang lebih penting dapat disempurnakan.



LAMPIRAN 2

Jabatan Perangkaan
MALAYSIA

Analisis Kerangka Empat Tindakan

TINGKATKAN

TEKNIKAL

- Kepakaran butiran perkara
- Kadar respons
- Kaedah pengumpulan data yang pelbagai

Contoh:

DOPU, CATI, e-survey, *Blaise (computer-assisted personal interviewing (CAPI) system and survey processing tool)*

- Sistem rangka (pertubuhan dan isi rumah)
- Perangkaan Nasional/Wilayah/Negeri

Contoh:

Trade in Services, indikator bagi mengukur EKS, nilai ditambah bagi industri-industri terpilih dan sumbangannya kepada KDNK, GFCF mengikut sektor dan aktiviti, memenuhi keperluan GATS

- Penyebaran data mikro
- Penggunaan reka bentuk pensampelan berkebarangkalian
- Penganalisan data:
 - ◆ Kaedah penganggaran (*blow up*)

Contoh:

Post-stratification weight
Outlier treatment
Non-response treatment

- Kemahiran penulisan

TEKNOLOGI

- Penggunaan ICT secara bersepadu

Contoh:

NEWSS, PDA, CATI, GIS, GPS
dan ICR

- Sistem penyampaian atas talian

Contoh:

e-Survey dan e-Census

- Kepelbagaian maklumat perangkaan di dalam portal Jabatan

PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

- Modul kursus untuk kepakaran
- Sistem Pengurusan Latihan
- Pengurusan kewangan yang kos efektif
- Modul *Performance Management System* bagi KPI
- *Knowledge Management System*
- Persekutuan pejabat yang kondusif
- Membentuk pemimpin pelapis

PERHUBUNGAN DAN PROMOSI

- Kolaborasi dengan *stakeholders*/ pengguna/pembekal data
- Program promosi dan publisiti
- Komunikasi dua hala dengan pengguna/pembekal data
- Kesedaran statistik di kalangan komuniti
- Program jaringan kerjasama dengan agensi lain dan organisasi antarabangsa
- Sistem penyampaian interaktif

CIPTAKAN

KURANGKAN

TEKNIKAL

- Indikator/indeks baru bagi mengukur sosial dan ekonomi Negara

Contoh:

Indeks Perkhidmatan, *International Trade in Services* (ITS), *Index of Services* (IoS), *Services Producer Price Index* (SPPI), indikator tenaga buruh bulanan mengikut negeri, indikator pertanian peringkat nasional

- Sistem atas talian koordinasi permintaan data dalam dan luar negara

TEKNIKAL

- Beban responden
- Kos dan masa operasi pengeluaran data
- Tangkapan data manual (*data entry*)
- Ralat bukan pensampelan
- Penerbitan bercetak
- Paper questionnaire*

GUGURKAN

TEKNIKAL

- Variabel yang tidak digunakan

TEKNOLOGI

- Penggunaan *mainframe*



LAMPIRAN 3

Jabatan Perangkaan
MALAYSIA



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 415

AKTA PERANGKAAN 1965

(Disemak - 1989)

Teks ini HANYALAH TERJEMAHAN oleh Jabatan Peguam Negara, Kuala Lumpur, bagi *Statistics Act 1965* sebagaimana disemak dalam tahun 1989. Melainkan dan sehingga ditetapkan sebagai sahli di bawah seksyen 7 (1) Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 (Akta 32), ia bukannya perundangan.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 415

AKTA PERANGKAAN 1965
(Disemak- 1989)

SUSUNAN SEKSYEN

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan pemakaian.
2. Jabatan Perangkaan.
3. Kawalan dan pengurusan Jabatan
4. Perlindungan tentang penggunaan dan komunikasi maklumat.
5. Notis untuk menghendaki butir-butir.
6. Butir-butir yang tidak berhubungan dengan suatu pengusahaan.
7. Penalti.
8. Kaedah-kaedah.
9. Pemansuhan.



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 415

AKTA PERANGKAAN 1965

(Disemak - 1989)

Suatu Akta berhubungan dengan perangkaan.

[16hb Ogos 1965.]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perangkaan 1965. Tajuk ringkas dan pemakaian.
(2) Akta ini hendaklah terpakai di seluruh Malaysia.
2. (1) Biro Perangkaan yang ditubuhkan oleh seksyen 3 Ordinan Perangkaan 1949, hendaklah dikenali sebagai Jabatan Perangkaan (kemudian daripada ini disebut "Jabatan"). Jabatan Perangkaan.
31 tahun 1949.
(2) Fungsi-fungsi Jabatan ini adalah untuk mengumpulkan dan mentafsirkan perangkaan-perangkaan bagi maksud memperlengkapi maklumat yang dikehendaki dalam membentuk atau menjalankan dasar Kerajaan dalam apa-apa bidang atau selainnya yang dikehendaki bagi maksud-maksud Kerajaan atau bagi memenuhi keperluan-keperluan perdagangan, komers, perindustrian atau pertanian (termasuk perhutanan, perikanan dan perburuan).
(3) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan kemudian daripada ini, Jabatan hendaklah di mana ia fikirkannya bagi kepentingan awam mempunyai kuasa

Undang-undang Malaysia **AKTA 415**

untuk menyampaikan perangkaan yang dikumpulkan oleh mereka atau pentafsiran perangkaan yang dikumpulkan sedemikian oleh mereka bukan sahaja kepada jabatan Kerajaan atau orang yang untuknya maklumat itu telah dikumpulkan bahkan juga kepada pihak-pihak berkuasa atau orang-orang lain yang untuknya maklumat atau pentafsiran itu mungkin berguna.

Kawalan dan
pengurusan
Jabatan.

3. (1) Jabatan hendaklah berada di bawah kawalan dan pengurusan Ketua Perangkawan, dibantu oleh pegawai-pegawai dan pengkhidmat-pengkhidmat lain sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Yang di-Pertuan Agong.

(2) Tiada pegawai Jabatan yang melibatkan diri dalam atau ada kaitan dengan pengumpulan, pentafsiran atau penyiaran perangkaan di bawah Akta ini boleh kecuali sebagaimana yang dikehendaki oleh kewajipannya menyampaikan apa-apa maklumat yang telah sampai ke dalam miliknya semasa dia melaksanakan kewajipannya yang tersebut sebagaimana sedemikian.

(3) Mana-mana pegawai yang melanggar subseksyen (2) boleh apabila disabitkan dikenakan penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dua tahun atau denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau kedua-duanya.

(4) Ketua Perangkawan hendaklah menarik perhatian tiap-tiap pegawai yang melibatkan diri dalam atau ada kaitan dengan pengumpulan, pentafsiran atau penyiaran perangkaan kepada peruntukan-peruntukan subseksyen (2) dan (3) sebelum pegawai tersebut mula melaksanakan kewajipannya di bawah Akta ini.

Perlindungan
tentang
penggunaan
dan
komunikasi
maklumat.

4. (1) Kecuali dengan persetujuan bertulis terlebih dahulu daripada orang yang olehnya, atau daripada mana-mana orang (sama ada sebagai ejen atau prinsipal) yang menjalankan suatu pengusahaan yang berhubungan dengan, perangkaan telah dikumpulkan, tiada perangkaan yang dikumpulkan oleh Jabatan ini boleh digunakan oleh mereka bagi maksud



Akta Perangkaan

menentukan apa-apa liabiliti mana-mana orang atau apa-apa pengusahaan itu kepada apa-apa perihal pencukaian atau pelevian, sama ada Persekutuan, Negeri atau selainnya atau disampaikan kepada mana-mana jabatan Kerajaan atau pihak berkuasa atau orang lain, sebagai suatu jabatan, pihak berkuasa atau orang yang mungkin menggunakan bagi maksud itu.

(2) Dalam menyampaikan perangkaan yang dikumpulkan oleh mereka atau pentafsirannya Jabatan hendaklah mengambil langkah-langkah untuk memastikan bahawa pengenalan mana-mana orang atau apa-apa pengusahaan kepada siapa atau kepada mana ia berhubung adalah tidak dengan demikian itu didedahkan.

5. (1) Bagi maksud fungsi-fungsi Jabatan di bawah seksyen 2 (2) Ketua Perangkawan boleh melalui notis bertulis menghendaki mana-mana orang yang menjalankan suatu pengusahaan dalam Malaysia (sama ada sebagai ejen atau prinsipal) untuk memberi butir-butir sedemikian berhubungan dengan pengusahaan itu atas perkara-perkara sedemikian dan dalam bentuk sedemikian sebagaimana yang dinyatakan oleh Ketua Perangkawan, iaitu butir-butir yang ada dalam pengetahuan orang itu atau yang dia semunasabahnya boleh dapatkan.

Notis untuk
menghendaki
butir-butir.

(2) Notis di bawah subseksyen (1) boleh disampaikan dengan menyerahkannya kepada orang yang dimaksudkan dengannya itu di suatu tempat di mana pengusahaan yang berkenaan sedang dijalankan atau di kediamannya.

(3) Suatu notis boleh menghendaki maklumat itu supaya diberikan pada masa-masa tertentu atau dalam lat-lat tempoh tertentu.

(4) Suatu notis boleh menghendaki seseorang yang tidak ada pengetahuan tentang butir-butir yang dikehendaki atau tidak boleh didapatkan butir-butir tersebut untuk memberikan kepada Ketua Perangkawan anggaran terbaik tentang butir-butir itu.

Undang-undang Malaysia **AKTA 415**

(5) Jabatan tidaklah boleh menghendaki mana-mana orang untuk memberikan maklumat yang akan mendedahkan apa-apa proses rahsia atau rahsia perdagangan yang lain.

(6) Dalam seksyen ini "pengusahaan" ertinya apa-apa pengusahaan yang dijalankan dengan cara perdagangan atau perniagaan, apa-apa profesion yang dijalankan oleh seseorang individu, atau apa-apa aktiviti (sama ada dijalankan untuk mendapat keuntungan ataupun tidak) sesuatu pertubuhan perbadanan atau sesuatu kumpulan orang tak diperbadankan.

Butir-butir
yang tidak
berhubungan
dengan
suatu
pengusahaan.

6. (1) Ketua Perangkawan boleh, berhubungan dengan apa-apa perkara yang tidak ada hubungan dengan suatu pengusahaan (sebagaimana yang ditakrifkan dalam seksyen 5 (6)) menghendaki mana-mana orang memberikan apa-apa butir-butir dan dalam apa-apa bentuk sebagaimana yang diluluskan oleh Yang di-Pertuan Agong.

(2) Peruntukan-peruntukan seksyen 5 berhubungan dengan notis dan penyampaiannya hendaklah terpakai bagi kehendak di bawah seksyen ini sebagaimana ia terpakai bagi suatu kehendak di bawah seksyen 5.

Penalti.

7. Mana-mana orang yang —

- (a) gagal untuk mematuhi kehendak-kehendak notis di bawah seksyen 5 atau seksyen 6; atau
- (b) dengan disedari atau dengan melulu memberi atau menyebabkan diberi apa-apa butir-butir palsu atau apa-apa perkara yang dinyatakan dalam notis itu,

bolehlah dikenakan denda tidak melebihi lima ratus ringgit dan, dalam kes suatu kesalahan yang berterusan, suatu denda lanjut tidak melebihi lima ratus ringgit bagi tiap-tiap hari selama mana kesalahan itu berterusan selepas sabitan.



Akta Perangkaan

8. Perdana Menteri boleh dari semasa ke semasa membuat kaedah-kaedah—

Kaedah-
Kaedah.

- (a) bagi mengecualikan mana-mana orang atau golongan orang daripada obligasi untuk memberikan maklumat di bawah Akta ini, sama ada seluruhnya atau setakat mana yang boleh ditetapkan dan sama ada tidak bersyarat atau tertakluk kepada apa-apa syarat-syarat yang boleh ditetapkan; dan
- (b) bagi menetapkan fee yang boleh dikenakan bagi menyampaikan perangkaan yang dikumpulkan oleh Jabatan atau tafsiran oleh Jabatan perangkaan yang dikumpulkan sedemikian dan cara bagaimana fee itu boleh dikutip dan bagi mengecualikan mana-mana orang daripada pembayaran fee itu.

9. (1) Ordinan Perangkaan 1949, dengan ini dimansuhkan.

Pemansuhan.
31 tahun 1949.

(2) Segala maklumat yang dikumpulkan oleh Biro Perangkaan sebelum mula berkuatkuasanya Akta ini hendaklah tertakluk kepada perlindungan-perlindungan yang sama berkenaan dengan penyampaian sebagaimana yang diperuntukkan oleh Akta ini seolah-olah maklumat tersebut telah dikumpulkan di bawah Akta ini.



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

CETAKAN SEMULA

Akta 16

AKTA BANCI 1960

Teks ini HANYALAH TERJEMAHAN oleh Jabatan Peguam Negara, Kuala Lumpur, bagi *Census Act 1960* sebagaimana dicetak semula dalam tahun 1992. Melainkan dan sehingga ditetapkan sebagai sahih di bawah seksyen 7(1) Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 (Akta 32), ia bukannya perundangan.

DITERBIT OLEH
PESURUHJAYA PENYEMAK UNDANG-UNDANG, MALAYSIA
DI BAWAH KUASA AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG 1968
1992



LAMPIRAN 4

Jabatan Perangkaan
MALAYSIA

AKTA BANCI 1960

Mula dikanunkan	1960 (Akta No. 6 tahun 1960)
Disemak	1969 (Akta 16 mulai dari 14hb April 1970)

DICETAK OLEH PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
IBU PEJABAT, KUALA LUMPUR

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 16****AKTA BANCI 1960****SUSUNAN SEKSYEN****Seksyen**

1. Tajuk ringkas.
2. Tafsiran.
3. Kuasa mengarah binci diambil.
4. Perlantikan pegawai-pegawai.
5. Pegawai-pegawai binci hendaklah membawa bukti perlantikan.
6. Peraturan-peraturan.
7. Penduduk hendaklah memberi akses dan membenarkan penampalan nombor.
8. Soalan oleh pegawai-pegawai binci.
9. Menyerahkan dan mengisi jadual-jadual.
10. Jadual kolektif hendaklah diisi oleh orang-orang yang menjaga institusi, *dsb.*
11. Pembancian angkatan-angkatan tentera laut, darat dan udara dan pengembara.
12. Majikan buruh boleh dikehendaki menjadi pembanci.
13. Pengkhidmat Kerajaan hendaklah membantu pengambilan binci.
14. Penyerahan jadual-jadual dan penyata-penysata.
15. Ringkasan hendaklah dibuat dan disiarkan.
16. Kesalahan-kesalahan oleh pegawai-pegawai binci.
17. Lain-lain kesalahan.
18. Tiada apa-apa pendakwaan tanpa sanksi Pendakwa Raya.
19. Mana-mana satu penyata tidak boleh dizahirkan.
20. Rekod binci adalah rahsia dan tidak boleh diterima sebagai keterangan.



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 16

AKTA BANCI 1960

Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi mengambil benci dari semasa ke semasa.

[*Malaysia Barat—5hb Mei 1960;
Malaysia Timur—18hb Disember 1969.*] P.U. (A) 519/69.

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Banci 1960. Tajuk
ringkas.
2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya Tafsiran, menghendaki makna yang lain—
 - “ditetapkan” ertiannya ditetapkan di bawah Akta ini;
 - “jadual” ertiannya jadual dalam borang yang ditetapkan dalam mana dicatatkan atau akan dicatatkan butir-butir yang ditetapkan yang dikehendaki bagi maksud-maksud benci;
 - “pegawai benci” ertiannya seseorang yang dilantik di bawah Akta ini sebagai Pesuruhjaya, Timbalan Pesuruhjaya, Penolong Pesuruhjaya, Pengusa Daerah, Penyelia, penombor rumah atau pembenci, yang menjalankan tugas dalam lingkungan tempatan mana-mana kawasan yang baginya dia mungkin telah dilantik sedemikian;
 - “Pesuruhjaya” termasuk Penolong Pesuruhjaya.
3. Yang di-Pertuan Agong boleh, melalui pem-beritahuan dalam *Warta*, dari semasa ke semasa mengarahkan suatu benci diambil di seluruh Malaysia atau di mana-mana kawasan dalam Malaysia yang ditentukan mengenai penduduk, pertanian (termasuk penternakan), perdagangan, buruh, perindustrian, Kuasa
mengarah
benci
diambil.

Undang-undang Malaysia AKTA 16

perusahaan, anak yatim, balu, buta atau lain-lain kelemahan, penyakit atau penderitaan, atau apa-apa perkara lain sebagaimana yang difikirkannya perlu atau mustahak untuk menentukan keadaan sosial, awam atau ekonomi atau keadaan kesihatan penduduk-penduduk Malaysia, dan boleh melalui pemberitahuan itu juga atau pemberitahuan yang lain melantik seorang Pesuruhjaya untuk menyelia pengambilan banci itu.

Perlantikan
pegawai-
pegawai.

4. (1) Menteri boleh, dari semasa ke semasa, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, melantik beberapa orang Timbalan Pesuruhjaya, Penolong Pesuruhjaya, Penguasa Daerah dan beberapa jawatankuasa sebagaimana yang difikirkannya manfaat dalam dan bagi Malaysia atau mana-mana bahagiannya, dan dengan apa-apa gelaran yang difikirkannya perlu bagi maksud-maksud sesuatu arahan di bawah seksyen 3 berhubungan dengan jenis banci yang berkenaan mereka dilantik.

(2) Pesuruhjaya, mana-mana Penolong Pesuruhjaya, mana-mana Penguasa Daerah, dan mana-mana pegawai banci yang diberikuasa oleh Pesuruhjaya bagi maksud itu, boleh dengan surat yang ditandatangani olehnya melantik mana-mana orang sebagai penyelia, penombor rumah atau pembanci untuk menyelia atau mengambil atau membantu mengambil sesuatu banci dalam sesuatu kawasan yang ditentukan.

N.M.B.
Bab 45.

(3) Tiap-tiap pegawai banci hendaklah disifatkan sebagai pengkhidmat awam dalam erti Kanun Kesekeuaan.

Pegawai-
pegawai
banci
hendaklah
membawa
bukti
perlantikan.

5. (1) Tiap-tiap pegawai banci, selain daripada pegawai banci yang dilantik melalui pemberitahuan dalam *Warta*, hendaklah, apabila menjalankan tugas banci, sentiasa membawa bersamanya surat yang ditandatangani oleh Pesuruhjaya, Penolong Pesuruhjaya, Penguasa Daerah atau lain-lain pegawai banci yang diberikuasa oleh Pesuruhjaya bagi maksud itu yang melantiknya sebagai pegawai banci di bawah seksyen 4 (2), dan hendaklah mengemukakan surat itu untuk diperiksa oleh mana-mana orang yang boleh dengan suci hati menyоal kuasanya sebagai pegawai banci.



Banci

(2) Tiap-tiap pegawai banci yang dilantik melalui pemberitahuan dalam *Warta* hendaklah, apabila menjalankan tugas banci, sentiasa membawa bersamanya suatu salinan pemberitahuan dalam *Warta* yang melantiknya sebagai pegawai banci.

6. Menteri boleh dari semasa ke semasa membuat peraturan-peraturan untuk menguatkuasakan peruntukan Akta ini dan, dengan tidak menyentuh keluasan kuasa itu, peraturan-peraturan itu boleh membuat peruntukan bagi—

- (a) tugas-tugas pegawai banci;
- (b) fungsi-fungsi mana-mana jawatankuasa yang dilantik di bawah seksyen 4 (1);
- (c) butir-butir yang mengenainya maklumat akan didapati bagi maksud sesuatu banci, orang-orang yang daripadanya dan cara bagaimana maklumat akan didapati bagi maksud sesuatu banci;
- (d) borang-borang jadual yang akan digunakan bagi mendapatkan butir-butir itu;
- (e) borang permintaan yang akan dialamatkan kepada majikan-majikan buruh di bawah seksyen 12;
- (f) apa-apa perkara lain sebagaimana yang dikehendaki ditetapkan.

7. Tiap-tiap orang yang menduduki mana-mana tanah, rumah, kepungan, vesel atau lain-lain tempat hendaklah memberi mana-mana pegawai banci akses ke dalamnya bagi maksud banci itu, iaitu, sebagaimana yang munasabah memandang kepada adat negeri itu, dan hendaklah membenarkan dia mengecat, menanda, atau menampalkan di atas atau pada harta yang diduduki oleh orang itu, apa-apa huruf, tanda atau nombor yang difikirkan perlu oleh Pesuruhjaya bagi maksud banci.

Penduduk
hendaklah
memberi
akses dan
membenarkan
penampalan
nomor.

Undang-undang Malaysia **AKTA 16**

Soalan oleh
pegawai-
pegawai
banci.

8. Tiap-tiap pegawai banci boleh mengemukakan kepada semua orang dalam lingkungan kawasan yang baginya dia dilantik apa-apa soalan yang perlu bagi mendapatkan maklumat yang dikehendaki bagi maksud banci, dan tiap-tiap orang yang dikemukakan soalan itu adalah terikat menjawab soalan itu dengan benar sepanjang pengetahuan dan pertimbangannya.

Menyerahkan
dan mengisi
jadual-jadual.

9. (1) Mana-mana pegawai banci boleh meninggalkan atau menyebabkan ditinggalkan di mana-mana rumah kediaman dalam kawasan yang baginya dia dilantik suatu jadual dalam borang yang ditetapkan untuk diisi oleh penduduk rumah kediaman itu atau penduduk mana-mana bahagian tertentu rumah kediaman itu.

(2) Penduduk itu hendaklah, dalam masa yang tersebut di dalam jadual itu, mengisi jadual itu, atau menyebabkannya diisi, dengan cara yang ditetapkan dan kemudiannya hendaklah menyerahkan jadual yang diisi itu kepada pembanci atau penyelia yang dilantik bagi kawasan di mana rumah kediaman itu terletak atau kepada mana-mana orang lain sebagaimana yang diarah oleh Penolong Pesuruhjaya atau Penguasa Daerah.

(3) Jika penduduk itu tidak berupaya mengisi jadual itu dengan cara yang ditetapkan atau menyebabkan seseorang lain mengisinya, dia hendaklah memeliha jadual itu seperti dalam keadaannya ia diterima dan hendaklah menyerahkannya kepada pembanci, penyelia atau orang lain sebagaimana tersebut dahulu yang kemudiannya akan menjalankan kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh seksyen 8 dan mengisi borang itu dengan cara yang ditetapkan.

(4) Pada bila-bila masa sebelum atau dalam tempoh dua belas bulan (atau dalam tempoh yang lebih lama sebagaimana yang ditetapkan) selepas tarikh yang diarahkan bagi pengambilan banci mana-mana pegawai banci boleh, jika diarah oleh mana-mana Penolong Pesuruhjaya atau Penguasa Daerah berbuat sedemikian, melawat mana-mana rumah kediaman dalam kawasan



Banci

yang baginya dia dilantik bagi maksud menyemak apa-apa maklumat yang didapati atau bagi maksud mendapatkan maklumat selanjutnya bagi maksud-maksud benci itu, dan hal sedemikian, selepas menjalankan kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh seksyen 8, dia hendaklah—

- (a) jika berpuas hati bahawa sesuatu jadual berkenaan dengan mana-mana rumah kediaman mengandungi nama seseorang yang tidak berada dalam rumah kediaman itu pada masa pengambilan benci itu, memotong dari jadual itu nama, dan semua butir berkenaan dengan, orang itu;
- (b) jika berpuas hati bahawa seseorang berada di dalam mana-mana rumah kediaman pada masa pengambilan benci itu dan namanya tidak ada tertulis dalam jadual berkenaan dengan rumah kediaman itu, memasukkan nama, dan semua butir yang berkenaan dengan, orang itu ke dalam jadual itu atau dalam suatu jadual yang berasingan, mengikut sebagaimana diarah oleh Pesuruhjaya; dan
- (c) jika berpuas hati bahawa sesuatu jadual itu tidak betul mengenai apa-apa butir matan, membuat apa-apa pembetulan yang perlu mengenainya.

10. (1) Seseorang Penolong Pesuruhjaya atau Penguasa Daerah boleh menyerahkan atau menyebabkan diserah kepada—

- (a) orang yang menjaga mana-mana rumah sakit mental, rumah sakit, rumah kerja, tempat tahanan, penjara, balai polis, tempat pemulihan akhlak atau lokap, atau sesuatu ladang Kerajaan, ladang kerjasama, ladang kolektif atau ladang kaum atau sesuatu institusi atau pertubuhan khairat, agama, pendidikan atau lain-lain institusi atau pertubuhan sama ada awam atau persendirian; atau kepada

Jadual
kolektif
hendaklah
diisi oleh
orang-orang
yang menjaga
institusi, dsb.

Undang-undang Malaysia **AKTA 16**

- (b) penjaga, setiausaha atau pengurus atau orang lain yang menjaga sesuatu hotel, rumah tumpangan, rumah penginapan, kelab atau lain-lain tempat kediaman,

suatu jadual atau beberapa jadual dalam borang yang ditetapkan untuk diisi berkenaan dengan premis-premis itu.

(2) Orang yang kepadanya mana-mana jadual itu diserahkan sedemikian hendaklah mengisinya atau menyebabkannya diisi sepanjang pengetahuan dan pertimbangannya, dengan butir-butir yang ditetapkan berkenaan dengan premis itu pada masa yang tersebut dahulu, dan hendaklah menandatangani jadual itu dan, apabila dikehendaki, hendaklah menyerahkan jadual atau jadual-jadual yang diisi dan ditandatangani itu kepada pembanci atau penyelia yang dilantik bagi kawasan di mana premis-premis itu terletak atau kepada mana-mana orang lain sebagaimana diarah oleh Penolong Pesuruhjaya atau Penguasa Daerah.

Pembancian
angkatan-
angkatan
tentera laut,
darat dan
udara dan
pengembara.

11. Pesuruhjaya hendaklah mendapatkan, dengan apa-apa cara yang sah yang didapatinya paling sesuai bagi maksud itu, butir-butir yang ditetapkan berkenaan dengan—

- (a) mana-mana angkatan tentera darat atau angkatan tentera udara atau mana-mana kumpulan orang yang menjadi anggota sesuatu vesel perang; dan
- (b) semua orang yang pada waktu benci diambil sedang menggembara, atau berada dalam kapal, atau yang oleh kerana sesuatu sebab lain tidak tinggal dalam mana-mana premis yang akan diambil kira dalam benci itu,

dan hendaklah termasuk maklumat dalam ringkasan yang akan dibuat olehnya sebagaimana diperuntukkan dalam seksyen 15.



Banci

12. (1) Tiap-tiap majikan—

- (a) bagi sepuluh orang buruh atau lebih yang tinggal di mana-mana ladang pertanian atau harta lombong, atau dalam mana-mana kilang atau woksyop; atau
- (b) bagi apa-apa kelas atau jenis buruh sebagaimana yang ditetapkan,

Majikan
buruh boleh
dikehendaki
menjadi
pembanci.

apabila menerima suatu permintaan bertulis bagi maksud itu dalam borang yang ditetapkan yang ditandatangani oleh seorang Penolong Pesuruhjaya atau Penguasa Daerah, hendaklah bertindak atau melantik seorang ejen untuk bertindak sebagai pembanci berkenaan dengan semua orang yang bekerja atau tinggal di ladang, harta lombong, kilang atau woksyop itu.

(2) Tiap-tiap majikan atau ejen itu hendaklah mencatatkan atau menyebabkan dicatat, dalam jadual-jadual yang diserahkan kepadanya bagi maksud itu, butir-butir yang ditetapkan berkenaan dengan semua orang yang tersebut dalam subseksyen (1) dan hendaklah menyerahkan jadual-jadual yang diisi sepanjang pengetahuan dan pertimbangannya, kepada pembanci atau penyelia yang dilantik bagi kawasan di mana ladang, harta lombong, kilang atau woksyop itu terletak atau kepada mana-mana orang lain sebagaimana diarah oleh Penolong Pesuruhjaya atau Penguasa Daerah.

13. Semua pengkhidmat Kerajaan hendaklah membantu pengambilan benci, jika dan apabila dikehendaki berbuat demikian oleh Pesuruhjaya, Penolong Pesuruhjaya atau Penguasa Daerah.

Pengkhidmat
Kerajaan
hendaklah
membantu
pengambilan
benci.

14. Tiap-tiap pembanci hendaklah menyerahkan kepada penyelia kawasan yang baginya dia dilantik semua jadual dan semua penyata yang dikehendaki oleh Pesuruhjaya pada hari atau hari-hari yang akan ditetapkan bagi maksud itu oleh Penolong Pesuruhjaya atau Penguasa Daerah bagi kawasan itu, dan penyelia

Penyerahan
jadual-jadual
dan penyata-
penyata.

Undang-undang Malaysia **AKTA 16**

itu hendaklah segera menentusah jadual-jadual dan penyata-penyata itu dan menghantarnya, bersama dengan apa-apa jadual dan penyata lain yang ada dalam simpanannya, kepada Penolong Pesuruhjaya atau Penguasa Daerah, yang akan segera menghantarnya kepada Pesuruhjaya, atau kepada mana-mana orang lain sebagaimana diarah oleh Pesuruhjaya.

Ringkasan
hendaklah
dibuat dan
disiarkan.

15. (1) Pesuruhjaya hendaklah, apabila menerima jadual-jadual dan penyata-penyata yang dihantar menurut Akta ini, mengarahkan suatu ringkasan jadual-jadual dan penyata-penyata itu dibuat bagi tiap-tiap satu Negeri dan suatu ringkasan bagi seluruh Malaysia, dan ringkasan-ringkasan itu hendaklah dicetak dan disiarkan untuk makluman am.

(2) Dalam mana-mana ringkasan yang disediakan di bawah subseksyen (1) berkenaan dengan sesuatu perdagangan atau perindustrian, butir-butir dan maklumat yang terkandung dalam ringkasan itu hendaklah jangan disusun dengan apa-apa cara yang akan membolehkan seseorang mengenali apa-apa butir atau maklumat yang disiarkan sedemikian sebagai butir-butir atau maklumat berhubungan dengan mana-mana orang perseorangan atau mana-mana perniagaan.

Kesalahan-
kesalahan
oleh
pegawai-
pegawai
banci.

16. (1) Seseorang pegawai banci dan seseorang yang diambilkerja bagi menyediakan ringkasan-ringkasan yang dikehendaki dibuat di bawah seksyen 15 yang—

- (a) dengan tiada sebab yang cukup, enggan atau cuai mematuhi apa-apa arahan atau permintaan yang dialamatkan kepadanya oleh Pesuruhjaya, Penolong Pesuruhjaya atau Penguasa Daerah, atau yang tidak menjalankan usaha yang munasabah pada menjalankan apa-apa tugas yang diberikan kepadanya;
- (b) dengan sengaja mengemukakan sesuatu soalan yang menyenggung atau yang tidak sepatutnya;
- (c) dengan diketahuinya membuat sesuatu penyata palsu; atau



Banci

- (d) meminta, menerima atau mengambil daripada seseorang, selain daripada seseorang pegawai Kerajaan yang diberikuasa, apa-apa bayaran atau hadiah,

adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi satu ratus ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu bulan atau kedua-duanya.

(2) Mana-mana anggota bagi sesuatu jawatankuasa yang dilantik di bawah seksyen 4 (1), mana-mana pegawai benci dan mana-mana orang yang diambil kerja bagi menyediakan ringkasan-ringkasan yang dikehendaki dibuat di bawah seksyen 15 yang menzahirkan atau menggunakan, kecuali bagi maksud-maksud Akta ini, apa-apa maklumat yang telah diketahuinya dalam masa menjalankan tugasnya sedemikian adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

17. (1) Seseorang yang—

Lain-lain
kesalahan.

- (a) enggan menjawab dengan benar, sepanjang pengetahuan dan pertimbangannya, apa-apa soalan yang dikemukakan kepadanya oleh seseorang pegawai benci yang dia terikat di sisi undang-undang untuk menjawab sedemikian atau dengan sengaja memberi sesuatu jawapan palsu terhadapnya;
- (b) membuat, menandatangani, menyerahkan atau menyebabkan dibuat, ditandatangani, atau diserahkan sesuatu jadual, pernyataan atau penyata yang sengaja dibuat secara palsu atau dengan tidak betul;
- (c) enggan memberi seseorang pegawai benci akses yang munasabah ke dalam mana-mana rumah, tanah, kepungan, vesel, atau lain-lain tempat yang dia dikehendaki memberi menurut Akta ini;

Undang-undang Malaysia* **AKTA 16*

- (d) membuang, memadamkan, mengubah atau mencacatkan, sebelum habis tempoh dua belas bulan dari tarikh pengambilan benci, apa-apa huruf, tanda atau nombor yang telah dicatkan, ditanda atau ditampalkan bagi maksud-maksud benci; atau
- (e) enggan atau cuai mematuhi mana-mana peruntukan Akta ini atau peruntukan mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya,

adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi satu ratus ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

(2) Mana-mana orang yang menyamar sebagai pegawai benci adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Tiada apa-apa
pendakwaan
tanpa sanksi
Pendakwa
Raya.

18. Tiada apa-apa pendakwaan boleh dibawa di bawah Akta ini tanpa terlebih dahulu mendapat sanksi bertulis Pendakwa Raya.

Mana-mana
satu pernyata
tidak boleh
dizahirkan.

19. (1) Tiada mana-mana satu pernyata yang mengandungi butir-butir atau maklumat, dan tiada apa-apa bahagian pernyata itu yang diberi berhubungan dengan sesuatu perniagaan, pekerjaan atau kerja boleh disiarkan, dengan tidak terlebih dahulu mendapat persetujuan bertulis orang yang berkuasa mengawal, mengurus atau mengawasinya dan juga, kecuali bagi maksud-maksud sesuatu pendakwaan di bawah Akta ini atau kecuali menurut apa-apa syarat sebagaimana ditetapkan, tiada seseorang pun yang tidak diambil bertugas berhubungan dengan suatu benci boleh dibenarkan melihat mana-mana satu pernyata itu atau mana-mana bahagiannya.

(2) Pada membuat peraturan-peraturan dan menetapkan borang-borang di bawah seksyen 6 perhatian yang sepatutnya hendaklah diberi kepada hal



Banci

keadaan berbagai-bagi perdagangan dan perindustrian, dan khususnya kepada mustahaknya dielakkan penzahiran dalam sesuatu penyata apa-apa rahsia perdagangan atau keuntungan perdagangan, atau apa-apa butir atau maklumat lain yang penzahirannya mungkin akan mendatangkan mudarat kepada orang yang memberi penyata itu.

20. Tiada apa-apa catatan dalam mana-mana buku, daftar, atau rekod yang dibuat oleh seseorang pegawai benci atau oleh seseorang pada menjalankan tugasnya di bawah Akta ini boleh diterima sebagai keterangan dalam mana-mana prosiding sivil atau jenayah, kecuali dan melainkan dalam sesuatu pendakwaan yang dibawa di bawah Akta ini berkenaan dengan sesuatu catatan terhadap orang yang telah membuat, menandatangani atau menyerahkannya, atau yang telah menyebabkannya dibuat, ditandatangani, atau diserahkan.

Rekod benci
adalah rahsia
dan tidak
boleh
diterima
sebagai
keterangan

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 16****AKTA BANCI 1960****SENARAI PINDAAN**

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuatkuasa dari
P.U. (A) 519/69	Perintah pengubahsuaian Undang-Undang (Banci) (Pengubahsuaian dan Perluasan Ke Malaysia Timur) 1969	18-12-1969



Penubuhan Jawatankuasa

Jawatankuasa Rancangan Korporat Jabatan (RKJ) telah ditubuhkan pada Julai 2008 dan dipengerusikan oleh Dr. Haji Abdul Rahman bin Hasan, Timbalan Ketua Perangkawan, Program Ekonomi. Penubuhan jawatankuasa ini bertujuan untuk menyedia, menyelaras dan merangka RKJ bagi tempoh 2010-2014. Beberapa siri mesyuarat dan bengkel telah diadakan bertujuan untuk mengkaji pencapaian RKJ 2005-2009 yang telah dilaksanakan sebelum ini.

Penyediaan PSJ telah bermula dengan Mesyuarat Kajian Semula RKJ 2005-2009 yang telah diadakan pada Ogos 2008 di Ipoh, Perak yang melibatkan semua Pengarah Bahagian dan JP Negeri.

Mesyuarat dan Bengkel

Ini disusuli pula dengan Sesi Strategi berkaitan Perancangan Strategik bagi Pengarah Bahagian dan JP Negeri pada November 2008 di Kuala Lumpur, diikuti dengan Bengkel Rancangan Strategik 2010-2014 pada Februari 2009. RKJ telah ditambah baik dan dikenali sebagai PSJ yang menggariskan hala tuju yang komprehensif meliputi pelan tindakan dan pelan pelaksanaan. Jawatankuasa telah menyediakan draf PSJ dan dibentangkan di dalam Mesyuarat Pembentangan PSJ 2010-2014 pada 17-19 Oktober 2009 di Seremban, Negeri Sembilan. Di samping itu, beberapa siri mesyuarat jawatankuasa juga telah diadakan sepanjang penyediaan dokumen ini.

Input

Penyediaan PSJ menggunakan pendekatan *The Blue Ocean Strategy* melalui analisis kerangka empat tindakan. Di samping itu, input yang disediakan turut mengambil kira keperluan pengguna serta rujukan terhadap perancangan strategik agensi statistik antarabangsa. Seperti yang telah digariskan dalam Projek Perkasa Stats di bawah aktiviti B221 iaitu Prosedur Penyediaan Rancangan Lima Tahun, senario perubahan persekitaran seperti globalisasi, liberalisasi, ekspektasi pengguna/responden, kemajuan teknologi maklumat turut diambil kira dalam penyediaan PSJ ini.

Penghargaan

Setinggi penghargaan kepada semua anggota Jabatan yang terlibat dalam penyediaan dokumen ini. Ia akan dijadikan panduan dan rujukan serta akan dilaksanakan berdasarkan pelan tindakan dan pelan pelaksanaan yang telah dirangka. Pelaksanaan aktiviti akan dipantau melalui sasaran KPI yang ditetapkan. Bagi memastikan pelaksanaannya, pemantauan secara berterusan akan dijalankan oleh Jawatankuasa Pemandu PSJ dan Jawatankuasa Pelaksanaan PSJ yang telah diwujudkan.

JAWATANKUASA PSJ 2010-2014

PENASIHAT

Y.Bhg. Dato' Hajah Wan Ramlah binti Wan Abd. Raof

PENGERUSI

Y.Brs. Dr. Haji Abdul Rahman bin Hasan

AHLI

Y.Bhg. Dato' Nafsiah binti Haji Abu Bakar

Encik Kamarudin bin Muhammed (mulai September 2009)

Puan Omi Kelsom binti Haji Elias

Puan Tay Suan See

Puan Hajah Roszaini binti Omar (hingga Mac 2009)

Tuan Haji Sabri bin Omar (Mac 2009 hingga November 2009)

Dr. Mazlan bin Harun (mulai November 2009)

Encik Wan Mohamad Noor bin Wan Mahmood

Tuan Haji Azahari bin Mohd Raslan

Puan Zubaidah binti Ismail

Tuan Haji Ibrahim bin Jantan

Puan Nazaria binti Baharudin

Encik Kunnasegaran Gopalakrishnan (hingga April 2009)

Puan Norhayati binti Jantan

Puan Norfariza Hanim binti Kasim

Encik Mohd Yazid bin Kasim (mulai Oktober 2009)

Encik Fazrul Azlan bin Othman

Cik Sa'adiah binti Ahmad (hingga Oktober 2008)

Puan Siti Zakiah binti Muhamad Isa

Puan Riyanti binti Saari

Puan Siti Salwani binti Ismail

Puan Nan Hasnani binti Long Padang

Encik Ahmad Redzuan bin Abdul Hadi

Encik Mohamed Noor Aizam bin Saudin@Sudin



ABS	<i>Australian Bureau of Statistics</i>	IDE	<i>Institute of Developing Economies</i>
ADB	<i>Asian Development Bank</i>	ILO	<i>International Labour Organization</i>
ASEAN	<i>Association of Southeast Asian Nations</i>	ILSM	Institut Latihan Statistik Malaysia
BNM	Bank Negara Malaysia	IMF	Tabung Kewangan Antarabangsa (<i>International Monetary Fund</i>)
CAPI	<i>Computer-assisted personal interviewing</i>	IoS	<i>Index of Services</i>
CATI	<i>Computer Aided Telephone Interview</i>	IPT	Institusi Pengajian Tinggi
DOPU	<i>Drop off and pick up</i>	ITS	<i>International Trade in Services</i>
EKS	<i>Enterpris Kecil dan Sederhana</i>	KDNK	Keluaran Dalam Negeri Kasar
ESCAP	<i>Economic and Social Commission for Asia and the Pacific</i>	KIK	Kumpulan Inovatif dan Kreatif
FAO	<i>Food and Agriculture Organization</i>	KPDNKK	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan
GATS	<i>General agreement on trade in services</i>	KPI	Petunjuk-petunjuk Prestasi Utama (<i>Key Performance Indicators</i>)
GFCF	Pembentukan modal kasar tetap kasar (<i>Gross fixed capital formation</i>)	KRA	Bidang Keberhasilan Utama (<i>Key Result Areas</i>)
GIS	<i>Geographic Information System</i>	MINJARO	Minda, Jasmani, Rohani
GPS	<i>Global positioning system</i>	MITI	<i>Ministry of International Trade and Industry</i>
HRMIS	Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia (<i>Human Resource Management Information System</i>)	MCPA	<i>Malaysia Classification of Products by Activity</i>
IAPG	Kumpulan Perancang Antara Agensi (<i>Inter Agency Planning Group</i>)	MSIC	<i>Malaysia Standard Industrial Classification</i>
IATC	<i>Inter Agency Technical Committee</i>	NEWSS	<i>National Enterprise Wide Statistical Systems</i>
ICR	<i>Intelligent character recognition</i>	NGO	<i>Non-governmental Organisation</i>
ICT	Teknologi maklumat dan komunikasi (<i>Information and communication technology</i>)	NKRA	Bidang Keberhasilan Utama Nasional (<i>National Key Result Areas</i>)
		NSO	<i>National Statistics Office</i>

OGAs	Agensi Kerajaan Lain (<i>Other Government Agencies</i>)
OIC	<i>Organisation of the Islamic Conference</i>
PDA	<i>Personal Digital Assistant</i>
PE	Program Ekonomi
PKPK	Program Khidmat Pengurusan/ Koordinasi
PSD	Program Sosial/Demografi
PSJ	Pelan Strategik Jabatan
RMKe-10	Rancangan Malaysia Kesepuluh
SAM	<i>Social Accounting Matrix</i>
SDDS	<i>Special Data Dissemination Standard</i>
SMS	<i>Short messaging system</i>
SPL	Sistem Pengurusan Latihan
SPPI	<i>Services producer price index</i>
UNSD	<i>United Nations Statistics Division</i>
WHO	<i>World Health Organization</i>

**Jabatan Perangkaan Malaysia
Blok C6, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62514 Putrajaya
MALAYSIA**

Tel. : 03-8885 7000
Faks : 03-8888 9248
E-mel : jpdkp@stats.gov.my
Laman Web : www.statistics.gov.my

Diterbitkan : Disember 2009

ISBN 978-983-9044-48-5



9 789839 044485